Saling bin Lau Bee Chiang dan lain-lain lagi lwn Kanawagi a/l Seperumaniam dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — GUAMAN SIVIL NO 22–228 TAHUN 2009
SAMSUDIN HASSAN H
21 OKTOBER 2017

Amanah dan Pemegang Amanah — Pemegang amanah — Pecah amanah — Sama ada defendan-defendan sebagai pemegang amanah mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif — Sama ada amanah ditubuhkan dengan sempurna — Sama ada defendan-defendan telah mengingkari tanggungjawab untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif — Sama ada defendan-defendan telah mengingkari tanggungjawab mereka untuk memberikan akaun-akaun beraudit seperti yang dikehendaki oleh surat ikatan amanah — Sama ada defendan-defendan telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalahpakai tabung amanah — Sama ada defendan-defendan telah mengambil kira jumlah kos yang telah diawardkan dalam perintah amanah — Sama ada defendan-defendan telah mengingkari tanggungjawab sebagai pemegang amanah apabila mengeluarakn wang daripada tabung Amanah — Akta Relif Spesifik 1950 s 2

Plaintif-plaintif adalah orang asli yang berkerakyatan Malaysia dan juga merupakan benefisiari-benefisiari kepada pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor kepada 52 orang asli susulan daripada perintah mahkamah bertarikh 5 Jun 2000 berkait dengan Guaman Sivil 828. Melalui perintah tersebut, amanah telah ditubuhkan. Defendan-defendan dalam tindakan semasa adalah pemegang-pemegang amanah bagi amanah yang telah ditubuhkan. Susulan daripada perintah mahkamah dalam Guaman Sivil 828, defendan pertama yang merupakan seorang peguam serta rakan kongsi di dalam firma guaman Tetuan Khana & Co ('defendan keempat') telah menyediakan surat ikatan amanah ('surat ikatan amanah tersebut'). Satu-satunya rakan kongsi defendan keempat yang turut terlibat dalam kes semasa adalah Dinesh Kanavaji ('Dinesh') yang juga merupakan anak kepada defendan pertama. Satu lagi pihak yang relevan dalam tindakan semasa adalah penerima dan pengurus yang dilantik oleh mahkamah iaitu Encik Ng Eng Kiat. Dalam kes semasa, isu-isu berbangkit yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah: (a) sama ada defendan-defendan mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif; (b) sama ada amanah ditubuhkan dengan sempurnanya; (c) sama ada defendan-defendan dan Dinesh telah mengingkari tanggungjawab mereka untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif; (d) sama ada defendan-defendan mengingkari tanggungjawab mereka untuk memberikan akaun-akaun

beraudit sepertimana yang dikehendaki di bawah klausa 8 surat ikatan amanah tersebut; (e) sama ada defendan-defendan dan Dinesh telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalahpakai tabung amanah berjumlah RM20,721,307.60; (f) sama ada defendan pertama dan defendan keempat bertanggungan untuk mengambil kira jumlah kos RM40,000 yang telah diawardkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam Guaman Sivil 828 dan sama ada mereka sebenarnya telah pun mengambil kira hal itu; dan (g) sama ada defendan-defendan dan Dinesh telah mengingkari tanggungjawab mereka sebagai pemegang amanah apabila mereka membuat pengeluaran wang berjumlah RM7 juta daripada tabung amanah.

Diputuskan:

(1) Seksyen 2 Akta Relif Spesifik 1950 mentakrifkan pemegang amanah sebagai termasuklah 'every person holding, expressly, by implication or constructively, a fiduciary character'. Di dalam kes semasa, defendan pertama dan kedua yang merupakan pemegang amanah mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif sebagai benefisiari-benefisiari kepada amanah tersebut. Defendan ketiga dan keempat yang merupakan pemegang amanah konstruktif kepada jumlah yang diterimanya bagi amanah tersebut juga mempunyai tanggungjawab yang sama. Selain itu, defendan pertama dan keempat selaku peguamcara kepada plaintif-plaintif dalam Guaman Sivil 828 mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif pertama hingga 21 yang merupakan sebahagian daripada 52 orang asli berkenaan (lihat perenggan 33).

(2) Mahkamah mendapati bahawa amanah tidak pernah ditubuhkan dengan sempurnanya berdasarkan klausa 3.1 dan 3.2 surat ikatan amanah tersebut di atas tiga alasan iaitu: (a) Ketua Pengarah bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia tidak pernah dijadikan atau dipelawa menjadi pemegang amanah; (b) Abdul Rahman bin Abdullah bukan merupakan seorang Tok Batin, oleh itu, dia bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi pemegang amanah; dan (c) defendan ketiga tidak pernah merupakan pemegang amanah tetapi dia cuma dianggap sebagai pemegang amanah (lihat perenggan 35).

(3) Defendan-defendan termasuklah Dinesh mempunyai tanggungan untuk membekalkan maklumat mengenai amanah tersebut kepada plaintif-plaintif kerana plaintif-plaintif adalah benefisiari-benefisiari bagi amanah tersebut. Defendan-defendan didapati telah bersikap mengelak, menahan dan tidak jujur apabila mereka diminta membekalkan maklumat berkenaan. Mahkamah memutuskan bahawa defendan-defendan dan Dinesh telah melanggar tanggungan mereka untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif (lihat perenggan 36(a)(xii)).

(4) Defendan pertama dan defendan kedua sebagai pemegang-pemegang amanah telah gagal untuk memenuhi tanggungan mereka sepertimana yang dikehendaki oleh surat ikatan amanah untuk menyediakan akaun-akaun amanah beraudit tahunan. Selain itu, Dinesh sebagai rakan kongsi kepada defendan keempat, yang mempunyai akses kepada akaun defendan keempat mempunyai tanggungan untuk membekalkan kepada plaintif-plaintif perihal kesemua wang kepunyaan amanah tersebut yang dipegang oleh defendan keempat. Defendan pertama dan defendan kedua telah melakukan pecah amanah dan adalah bertanggungan kepada plaintif-plaintif untuk memperihalkan semua wang amanah tersebut dan sekiranya mereka gagal berbuat demikian, maka mereka perlu membayar pampasan kepada amanah tersebut bagi semua wang yang tidak dibuat pengiraan (lihat perenggan 64).

(5) Mahkamah merumuskan bahawa defendan-defendan termasuklah Dinesh telah gagal mengambil kira jumlah RM20,721,307.60 yang belum dibuat pengiraan, sama ada sebelum tindakan semasa difailkan ataupun semasa perbicaraan sedang berjalan. Selain itu, tidak terdapat pengiraan yang sempurna dibuat ke atas semua jumlah tersebut. Berdasarkan dapatan di atas, adalah jelas terbukti bahawa defendan-defendan termasuklah Dinesh telah menyalahguna, menyalahurus dan/atau menyalahambil jumlah wang berkenaan, oleh itu, mereka adalah bertanggungan untuk membayar balik kepada amanah tersebut kesemua wang berjumlah RM20,721,307.60 (lihat perenggan 67–68).

(6) Defendan pertama dan keempat mempunyai tugasan untuk mengambil kira jumlah kos sebanyak RM40,000 yang diawardkan oleh Mahkamah Persekutuan yang bertujuan untuk dimanfaatkan oleh 52 orang asli tersebut. Defendan pertama dan keempat tidak berhak untuk sewenang-wenangnya menggunakan jumlah tersebut tanpa terlebih dahulu menjustifikasikan bahawa fi mereka adalah berjumlah sedemikian. Dalam kes semasa, mahkamah mendapati bahawa defendan pertama dan keempat telah gagal untuk menjustifikasikan penggunaan wang berjumlah RM40,000 tersebut. Oleh itu, mereka bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah RM40,000 kepada Amanah tersebut (lihat perenggan 73).

(7) Pengeluaran wang berjumlah RM7 juta oleh defendan-defendan dan Dinesh telah mengingkari atau melanggari Akta Pemegang Amanah 1949 kerana pelaburan yang dibuat bukan pelaburan yang dibenarkan sepertimana yang ditakrifkan dalam Akta tersebut. Selain itu, tindakan tersebut juga telah melanggari surat ikatan amanah. Tambahan pula, mahkamah tidak pada bila-bila masa pun mengeluarkan perintah membenarkan pengeluaran wang tersebut dan/atau membuat pelaburan (lihat perenggan 76).

(8) Berdasarkan 'demeanour' plaintif-plaintif ketika memberi keterangan, mahkamah amat yakin bahawa mereka bersedia, boleh dipercayai dan tidak mungkin diajar atau dilatih untuk berbuat demikian. Saksi-saksi lain plaintif-plaintif juga adalah jujur, konsisten dan boleh dipercayai. Sebaliknya, saksi-saksi defendan-defendan adalah tidak jujur dan telah memberi keterangan yang tidak benar semasa perbicaraan. Mereka juga telah berulangkali bertindak mempertahankan diri dan bersifat mengelak ketika memberi keterangan. Selain itu, keterangan mereka juga penuh dengan percanggahan tidak benar dan dicemari oleh mala fide (lihat perenggan 78–79).

(9) Mahkamah mengambil maklum penghakiman YA Vernon Ong Lam Kiat bertarikh 29 Oktober 2009 yang dilaporkan sebagai *Saling Lau Bee Chiang & Ors v Kanawagi Seperumaniam & Ors* [2010] 8 CLJ 347. Berdasarkan penghakiman tersebut, amat jelas sekali bahawa tindakan defendan-defendan tersebut memang tidak mewajarkan mereka menjadi pemegang-pemegang amanah tersebut kerana mereka tidak bertindak demi kepentingan terbaik bagi benefisiari-benefisiari amanah tersebut. Defendan-defendan juga didapati terlibat mengurus berpihak bagi diri sendiri dan menyifatkan wang-wang amanah tersebut seperti kepunyaan mereka sendiri. Oleh itu, mahkamah memutuskan amanah tersebut akan musnah sekiranya tuntutan plaintif-plaintif di dalam kes semasa dinafikan. Sebagai tambahan kepada jumlah RM20,721,307.60 dan RM40,000 yang diperintahkan seperti yang dinyatakan di atas, mahkamah telah memerintahkan defendan-defendan termasuk Dinesh untuk membayar ganti rugi sebanyak RM5 juta kepada plaintif-plaintif berasaskan perlakuan mereka menyalahguna dan menyalahurus amanah tersebut. Mahkamah juga memerintahkan defendan-defendan dan Dinesh untuk membayar kos sebanyak RM500,000 kepada plaintif-plaintif (lihat perenggan 102–108).

[English summary

The plaintiffs were natives with Malaysian citizenship and were also the beneficiaries to the compensation paid by the Johor State Government to 52 natives following a court order dated 5 June 2000 relating to Civil Suit 828. Through these commands, the trust has been established. Defendants in the present action are trustees of the trust that has been established. Subsequent to the court order in Civil Suit 828, the first defendant who was a lawyer and partner in the law firm Messrs Khana & Co ('the fourth defendant') had set up a trust deed ('the trust deed'). The only partner of the fourth defendant involved in the current case was Dinesh Kanavaji ('Dinesh') who was also the son of the first defendant. Another relevant party in the current action was the receiver and manager appointed by Mr Ng Eng Kiat. In the current case, the following issues to be decided by the courts were: (a) whether the defendants had a fiduciary duty to the plaintiffs; (b) whether the trust was properly

established; (c) whether the defendants and Dinesh had failed in their duty to provide the plaintiffs with information; (d) whether the defendants failed in their duty to provide audited accounts as required under clause 8 of the trust deed; (e) whether the defendants and the Dinesh had abused, mismanaged and misappropriated with the trust fund amounting to RM20,721,307.60; (f) whether the first defendant and the fourth defendant were liable to take into account the total cost of RM40,000 awarded by the Federal Court in Civil Suit 828 and whether they had in fact considered the matter; and (g) whether the defendants and Dinesh failed in their duty as trustee when they made a withdrawal of RM7m from the trust fund.

Held:

(1) Section 2 of the Relief Specific Act 1950 defines the holders of trust as including 'every person holding, expressly, by implication or constructively, a fiduciary character'. In the present case, the first and second defendants who were the trustee holders had a fiduciary duty to the plaintiffs as beneficiaries of the trust. The third and fourth defendants who held the constructive trust to the amount he received for the trust also had the same responsibilities. In addition, the first and fourth defendants as solicitors to the plaintiffs in Civil Suit 828 had fiduciary duties to the first to 21st plaintiffs who were part of the 52 indigenous people (see para 33) .

(2) The court found that the trust had not been duly established by cl 3.1 and 3.2 of the trust deed of the above three reasons, namely: (a) the Director General of the Department of Aboriginal Affairs Malaysia was never made or been invited to become a trustee; (b) Abdul Rahman bin Abdullah was not a Tok Batin, therefore he was not a fit and proper person to be a trustee; and (c) the third defendant was never a trustee but he was only considered a trustee (see para 35).

(3) The defendants including Dinesh had the obligation to provide information on the trust to the plaintiffs as the plaintiffs were the beneficiaries of the trust. The defendants were found to have been evasive, withheld and dishonest when they were asked to supply the information. The court ruled that defendants and Dinesh had violated their obligations to provide information to the plaintiffs (see para 36(a)(xii)).

(4) The first defendants and the second defendants as trustee holders had failed to meet their obligations as required by a trust deed to prepare annual audited trust accounts. In addition, Dinesh as a partner of the fourth defendant, who had access to the fourth defendant's account had the obligation to supply to the plaintiffs all about the moneys belonging to the trust held by the fourth defendant. The first defendant and the second defendant had committed a breach of trust and were liable to the

plaintiffs to describe all the funds of the trust and if they failed to do so, they shall pay compensation to the trust for all moneys not calculated (see para 64).

(5) The court concluded that the defendants including Dinesh had failed to take into account the amount of RM20,721,307.60 yet to be calculated, whether before the present action was filed or during the trial. In addition, there was no perfect calculation made on all these amounts. Based on the above findings, it was evident that the defendants including Dinesh had abused, mismanaged and/or misappropriated the sum of money, therefore, they were liable to reimburse to the trust all monies amounting to RM20,721,307.60 (see paras 67–68).

(6) The first and fourth defendants had an obligation to take into account the total cost of RM40,000 awarded by the Federal Court for the benefit of the 52 indigenous people. The first and fourth defendants were not entitled to arbitrarily use such amounts without first justifying that their fees were so amounting. In the present case, the court found that the first and fourth defendants failed to justify the use of the sum of RM40,000. Therefore, they were responsible for repaying the amount of RM40,000 to the trust (see para 73).

(7) The withdrawal of money amounted to RM7m by the defendants and Dinesh had violated or breached the Trustee Act 1949 as the investments made were not permitted investments as defined in the Act. In addition, the act had also breached the trust deed. Additionally, the court did not at any time issue an order allowing the withdrawal of the money and/or making the investments (see para 76).

(8) Based on the plaintiff's 'demeanour' when testifying, the court was very confident that they were willing, reliably and impossible to be taught or trained to do so. Other witnesses of the plaintiffs were also honest, consistent and reliable. On the contrary, defendants-defendant's witnesses were dishonest and had given false testimony during the trial. They had also repeatedly defended themselves and evaded it when giving evidence. In addition, their information was also full of incorrect contradictions and tainted by mala fide (see paras 78–79).

(9) The court took note of YA Vernon Ong Lam Kiat's judgment dated 29 October 2009 which was reported as *Saling Lau Bee Chiang & Ors v Kanawagi Seperumaniam & Ors* [2010] 8 CLJ 347. Based on the judgment, it was clear that the defendant's actions did not justify they became the holders of the trust as they did not act in the best interests of the trustees. The defendants were also involved in managing their own favor and described the money of the trust as their own. Therefore, the court ruled that the trust would be destroyed if the plaintiff's claim in the case was denied. In addition to the sum of RM20,721,307.60 and

RM40,000 ordered as stated above, the court had ordered defendants including Dinesh to pay damages of RM5m to plaintiffs on the basis of their abetting and abetting the practice. The court also ordered the defendants and Dinesh to pay costs of RM500,000 to the plaintiffs (see paras 102–108).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pecah amanah, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3497–3499.

Kes-kes yang dirujuk

Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd (formerly known as Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd) v Solid Investments Ltd and another appeal [2012] 4 MLJ 72, MR (dirujuk)

Amat Loyut & Ors v Saling Lau Bee Chiang & Ors (No 3) [2014] 1 LNS 249, MT (dirujuk)

D'Rourke v Derbishire and others [1920] AC 581, HL (refd)

Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309, MP (dirujuk)

Johnson v Kershaw (1847) 63 ER 1059 (dirujuk)

Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors [1998] 3 MLJ 457, MT (dirujuk)

Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19, MR (dirujuk)

Londonderry's Settlement Peat And Others v Walsh, In Re [1965] Ch 918, MR (dirujuk)

Mokhtar Ngah & Co v Yee Seng Plantations Sdn Bhd [2009] 10 CLJ 348, MT (dirujuk)

Ooi Meng Khin v Amanah Scotts Properties (KL) Sdn Bhd [2014] 6 ML J 488, MR (dirujuk)

Oriental Bank Bhd v Nordin Hamid & Ors [2010] MLJU 1905; [2011] 5 CLJ 237, MR (dirujuk)

Popular Industries Limited v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd [1989] 3 MLJ 360, MT (dirujuk)

Saling Lau Bee Chiang & Ors v Kanawagi Seperumaniam & Ors [2010] 8 CLJ 347, MT (dirujuk)

Tengku Abdullah Ibni Sultan Abu Bakar & Ors v Mohd Latiff bin Shah Mohd & Ors and other appeals [1996] 2 MLJ 265, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 22
Akta Orang Asli 1954 ss 4, 11, 12
Akta Pemegang Amanah 1949 s 4(c)(ii)
Akta Perkongsian 1961 s 11

A Akta Profesion Undang-Undang ss 112, 112(1)(b), 117(4)
Akta Relif Spesifik 1950 s 2

G Ragumaren (Kenneth Koh, Renu Zechariah dan Cheryl Kwan bersamanya) (G Ragumaren & Co) bagi pihak plaintif.

B *Sopna Rani Malakar (Dinesh Kanavaji, Ranjan Chandran, Bastian Vendargon, Gene Vendargon, Viswanathan, Ahmad Ezmeel, Yong Jia Wei dan Amir Hamzah Arshad bersamanya) (Sopna Rani Malakar & Co) bagi pihak defendan.*

C **Samsudin Hassan H:**

PENDAHULUAN

Melibatkan dua kes Guaman Sivil No:

D

(a) 22–*228* Tahun 2009; dan

(b) 23NCVC-*106*–07 Tahun 2012 (sebelum ini dirujuk sebagai LHC Suit No 22NCC-1512–09 Tahun 2011).

E

Kedua-dua kes ini dibicarakan bersekali.

Perbicaraan penuh telah berjalan mulai 1 Oktober 2012 dan berakhir pada 23 Mei 2016.

F

Untuk makluman kita semua 'Guaman Sivil 228' difailkan pada 25 Mac 2009.

Jadi hari ini ditetapkan untuk keputusan sahaja bagi kedua-dua Guaman Sivil

G No *228* dan *106.*

[1] Di sini disampaikan keputusan ringkas kedua-dua kes Guaman Sivil No 228 dan 106.

H

[2] Untuk memudahkan semua pihak mahkamah ini akan mulakan dengan keputusan kes Guaman Sivil No *228*.

[3] Ada baiknya mahkamah ini mulakan dengan latar belakang kes Guaman

I Sivil No 228 terlebih dahulu untuk memudahkan kefahaman pencapaian keputusannya ini kelak.

LATAR BELAKANG KES

[4] Pada atau sekitar tahun 1990 Kerajaan Negeri Johor telah memasuki perjanjian dengan Kerajaan Singapura untuk membina empangan di kawasan tadahan air Sg Linggiu untuk tujuan membekalkan air ke negara Singapura.

[5] Kerajaan Singapura membayar jumlah wang RM380 juta kepada Kerajaan Negeri Johor turutan daripada perjanjian tersebut dan Kerajaan Negeri Johor pula hendaklah memberi milikan kosong kawasan tadahan air Sg Linggiu kepada Kerajaan Singapura untuk membolehkannya membina empangan itu.

[6] Kawasan tadahan air Sg Linggiu merangkumi beberapa kampung antaranya:

(a) Kampung Sayong Pinang;

(b) Kampung Pasir Assam (Pasir Intan); dan

(c) Kampung Semanggar Dalam.

Kampung-kampung ini dihuni oleh orang asli termasuklah plaintif-plaintif dalam kes ini. Nenek moyang plaintif-plaintif ini telah tinggal di situ bertahun-tahun lamanya sehinggalah mereka menjadi pemilik benefisial melalui hak milik komuniti tanah tersebut termasuklah kawasan tadahan air Sg Linggiu bersekali dengan hak aslinya.

[7] Dengan adanya perjanjian tersebut dan cadangan membina empangan, maka orang asli yang tinggal di Kampung Sayong Pinang, Kampung Pasir Assam (Pasir Intan) dan Kampung Semanggar Dalam diusirkan daripada kawasan tadahan air Sg Linggiu oleh Kerajaan Negeri Johor untuk diserahkan kepada Kerajaan Singapura. Oleh itu orang asli termasuklah plaintif-plaintif ini dihalang daripada tanah adatnya sendiri dan juga hasil pendapatan tradisional dan kehidupan mereka. Maka 52 orang asli tersebut telah meminta pampasan daripada Kerajaan Negeri Johor kerana kerugian.

[8] Orang asli ini mengikut perundangan mempunyai hak kepada pampasan berdasarkan peruntukan Aboriginal Peoples Act 1954 khususnya ss 11 dan 12 dan undang-undang umum mengenai hak orang-orang asli. Seksyen 4 Akta yang sama adalah berkenaan peruntukan ini tidak sekali-kali memberi apa-apa impak ke atas hak asasi individu orang asli sebagai orang bebas sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia dan ia juga tidak menjadikan Tok Batin sebagai agen kepada orang asli terutamanya plaintif-plaintif.

[9] 52 orang asli ini berhasrat untuk mendapatkan pampasan daripada Kerajaan Negeri Johor dengan memulakan tindakan undang-undang. Mereka memutuskan untuk melantik defendan pertama dan/atau firma guamannya iaitu defendan keempat yang diperkenalkan oleh seorang bernama Hamzah bin Mohamad Tahir sebagai peguamcara mereka.

[10] Defendan pertama berjumpa dengan orang asli ini dalam bilik mesyuarat di Kampung Pasir Intan pada atau sekitar tahun 1994. defendan pertama memberi taklimat kepada 52 orang asli tersebut yang hadir mengenai hak mereka menuntut pampasan daripada Kerajaan Negeri Johor kerana mengambil tanah dan pada masa yang sama bertanya sama ada mereka berhajat melantik defendan pertama dan defendan keempat sebagai peguamcara untuk memulakan tindakan terhadap Kerajaan negeri Johor berkait tuntutan pampasan tersebut. 52 orang asli secara lisan mengesahkan mereka berhajat melantik defendan pertama dan/atau defendan keempat sebagai peguamcara mereka dan memberi kebenaran memfailkan tindakan untuk mendapatkan pampasan.

[11] Jadi defendan pertama adalah peguam yang melalui firmanya iaitu defendan keempat bertindak bagi pihak 52 orang asli berkait tuntutan plaintif-plaintif mendapatkan pampasan daripada Kerajaan Negeri Johor. Oleh itu pada setiap waktu wujudlah perhubungan peguam dan anak guamnya iaitu antara defendan pertama dan Keempat dengan 52 orang asli berkait tuntutan pampasan. Dengan demikian, defendan pertama dan Keempat mempunyai tanggungjawab *fiduciary* kepada 52 orang asli tersebut.

[12] 21 daripada 52 penduduk orang asli dan keturunan zuriat daripada 12 orang lagi yang telah meninggal dunia adalah plaintif-plaintif dalam tindakan ini.

[13] Defendan kedua dan ketiga adalah Tok Batin kepada dua daripada tiga kampung yang terlibat iaitu Kampung Sayong Pinang dan Kampung Semanggar masing-masingnya. Bersama-sama dengan Abdul Rahman bin Abdullah (Tok Batin yang ketiga) yang mewakili kampung yang ketiga terbabit (Kampung Pasir Intan) mereka pun mengambil inisiatif berhubung dengan defendan pertama dan/atau keempat mengenai cadangan tindakan tersebut.

[14] Merujuk kepada *Johor Bahru Originating Summons Suit No 24–828 Tahun 1994* yang difailkan pada atau sekitar 4 Oktober 1994 ('Guaman Sivil 828') oleh defendan pertama dan keempat bertindak atas arahan dan kebenaran 52 orang asli, maka Mahkamah Tinggi Johor Bahru menyampaikan penghakiman berpihak kepada 52 orang asli pada 19 Disember 1995 dan memerintahkan jumlah wang RM26,500,000 dibayar sebagai pampasan kepada mereka.

[15] Kerajaan Negeri Johor yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu merayu kepada Mahkamah Rayuan rujukan *Appeal No J-0165 of 1997.*

[16] Pada 19 November 1997 Mahkamah Rayuan menolak rayuan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kos dan mengekalkan penghakiman Mahkamah Tinggi. Mahkamah Rayuan menghantar balik kes ini ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru untuk membuat keputusan *Guaman Sivil 828* berhubung terma dan cara pembayaran pampasan kepada 52 orang asli. Mahkamah Persekutuan juga mengenakan kos sebanyak RM40,000.

[17] Defendan pertama melalui defendan keempat bertindak atas arahan dan kebenaran 52 orang asli memfailkan permohonan dalam *Guaman Sivil 828* ini untuk mendapatkan perintah mengenai pengurusan pampasan tersebut. Di sini plaintif-plaintif mendakwa defendan pertama dan keempat tidak pernah diberi kebenaran ataupun plaintif-plaintif mengarahkan mereka memfailkan permohonan tersebut meminta terma-terma sepertimana tercatat di dalamnya.

[18] Susulan daripada permohonan tersebut, maka Mahkamah Tinggi Johor Bahru mengeluarkan perintah pada 5 Jun 2000 dalam Guaman Sivil 828 (*trust order*) seperti berikut:

(a) Kerajaan Negeri Johor hendaklah membayar pampasan bersama semua *interest* terakru pada kadar 8% setahun bermula 4 November 1994 sehingga 5 Jun 2004. Pampasan ini bersama dengan *interest* terakru berjumlah RM38,554,111,92 (*actual compensation*);

(b) RM22 juta daripada *actual compensation* ini hendaklah dibayar ke dalam akaun amanah dan amanah hendaklah diwujudkan atas nama 'Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns) Trust';

(c) amanah hendaklah diwujudkan dalam bentuk sepertimana surat ikatan amanah yang dieksibitkan dalam permohonan kepada mahkamah dan sepertimana dipinda oleh terma-terma bagi *trust order* tersebut;

(d) Tok Batin Adong bin Kuwau (defendan kedua), Abdul Rahman bin Abdullah (sekarang sudah meninggal dunia) dan Kanawagi a/l Seperumaniam (defendan pertama) dilantik sebagai pemegang-pemegang amanah pertama dan hendaklah melaksanakan surat ikatan amanah tersebut;

(e) Ketua Pengarah di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, Kuala Lumpur, bagi sementara waktu hendaklah dilantik pemegang tambahan amanah;

(f) baki dalam *actual compensation* berjumlah RM16,554,111.92

dikehendaki diserahkan kepada firma undang-undang yang mengendalikan hal ini iaitu defendan keempat untuk diagihkan kepada 52 orang asli (plaintif) setelah ditolak bayaran fi guaman, kos, fi konsultasi dan perbelanjaan-perbelanjaan bertanggungan; dan

(g) pemegang amanah mempunyai kebebasan untuk memohon berkaitan pelaksanaan amanah dan melakukan tugas mereka di bawah amanah tersebut.

[19] Pada atau sekitar 5 Jun 2000 dan berikutan *trust order*, maka defendan pertama dan/atau defendan keempat pun menyediakan dan menstemkan surat ikatan amanah juga bertarikh 5 Jun 2000 memperihalkan terma-terma mengenai RM22 juta dan surat ikatan amanah tersebut mengandungi antara lainnya terma-terma dan syarat-syarat berikut:

(a) amanah dikehendaki diwujudkan yang akan dikenali sebagai 'Linggiu Valley Orang Asli (Jakun) Trust' (klausa 1);

(b) RM22 juta akan selesai dan ditempatkan dalam amanah untuk 52 orang asli dan keturunan mereka tetapi keturunan kanak-kanak tidak berhak mendapat bahagian atau pembahagian aset atau pendapatan semasa hayat hidup ibubapa mereka (klausa 2);

(c) pemegang amanah hendaklah terdiri daripada mereka berikut:

(i) dua orang Tok Batin bagi komuniti yang menetap di Kampung Pasir Assam (Pasir Intan), Sayung Pinang dan Semanggar;

(ii) Ketua Pengarah di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia sekiranya beliau sanggup menerima tugasan tersebut;

(iii) seorang lain lagi yang berkecuali; dan

(iv) pemegang-pemegang amanah pertama ini mestilah defendan pertama, defendan kedua dan Abdul Rahman bin Abdullah (sekarang sudah meninggal dunia) (klausa 3.1 dan 3.2);

(d) apa-apa kekosongan disebabkan oleh kematian, ketidakupayaan ataupun perletakan jawatan atau dibuang sama ada oleh mahkamah ataupun oleh komuniti masing-masing maka:

(i) dalam kes melibatkan wakil bagi komuniti masing-masing, ianya hendaklah diisi oleh Batin salah satu komuniti tersebut yang bukan pemegang amanah, dilulus oleh ketiga-tiga komuniti atau dalam keadaan ketiadaan kelulusan tersebut ianya diluluskan oleh mahkamah; dan

(ii) dalam kes melibatkan pemegang amanah bebas di situ mahkamah hendaklah melantik orang tersebut yang dianggap layak daripada senarai orang-orang yang dicalonkan oleh pemegang-pemegang

amanah yang ada sekarang atau oleh tiga komuniti berkenaan;

(e) wang sejumlah RM900 sebulan hendaklah dibayar oleh pemegang-pemegang amanah kepada benefisiari-benefisiari amanah daripada wang RM22 juta iaitu sebahagian dari *actual compensation* yang akan ditempatkan di dalam tabung amanah (*trust fund*) ditubuhkan (klausa 4.2);

(f) pemegang-pemegang amanah dikehendaki menyediakan penyata kewangan diperakui dalam setiap tahun kewangan oleh akauntan awam bertauliah dan juga dikehendaki menubuhkan serta mengekalkan akaun yang teratur dalam bentuk buku atau komputer daripada mana ada direkodkan secara tepat semua penerimaan dan pengeluaran, pendapatan dan modal berkaitan dengan tabung amanah (*trust fund*) (klausa 8.1 dan 8.2); dan

(g) mahkamah boleh atas permohonan oleh pemegang-pemegang amanah atau benefisiari-benefisiari antara lainnya menukar, mengubah atau menolak mana-mana terma dalam surat ikatan amanah tersebut (klausa 10.1 dan 15).

[20] *Actual compensation* yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor kepada defendan keempat sebagai peguamcara bagi 52 orang asli adalah seperti berikut:

(a) pada atau sekitar 5 Julai 2000 Kerajaan Negeri Johor membayer RM22 juta kepada amanah dipanjangkan kepada defendan keempat. defendan pertama dan/atau defendan keempat meletakkan RM22 juta daripada *actual compensation* tersebut ke dalam akaun amanah; dan

(b) pada atau sekitar 13 Julai 2000 Kerajaan Negeri Johor membayar RM16,554,111.92 kepada defendan keempat mengikut terma-terma perintah amanah (*trust order*).

PIHAK-PIHAK DAN 'LOCUS STANDI' PLAINTIF-PLAINTIF

[21] Sebelum mahkamah ini meneruskan menyenaraikan isu-isu berbangkit daripada tindakan undang-undang kes ini inginlah saya menyentuh sedikit perihal pihak-pihak yang terlibat dan locus standi plaintif-plaintif yang berkenaan.

[22] *Plaintif-plaintif* adalah orang asli berkerakyatan Malaysia. Setiap plaintif-plaintif juga adalah *beneficiary* kepada pampasan yang dibayarkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada 52 orang asli susulan daripada perintah Mahkamah bertarikh 5 Jun 2000 berkait Mahkamah Tinggi Johor Bahru *Originating Summons Suit No 24–828 Tahun 1994* (Guaman Sivil 828) yang juga menubuhkan amanah.

A **[23]** *Defendan pertama* adalah pemegang amanah (kini telah digantung) dan merupakan seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya serta rakan kongsi di dalam firma M/S Khana & Co iaitu defendan keempat. Namun begitu beliau telah dikeluarkan daripada amalan dalam tahun 2012.

B **[24]** *Defendan kedua* adalah harta pusaka peninggalan si mati Tok Batin Adong bin Kuwau yang pada satu ketika merupakan ketua penduduk Kampung Sayong Pinang, 81900 Kota Tinggi, Johor dan pemegang kepada Amanah.

C

[25] Defendan ketiga adalah juga harta pusaka peninggalan si mati Tok Batin Daud bin kadir yang pada satu ketika merupakan Ketua Penduduk Kampung Semanggar.

D **[26]** Plaintif melalui *encl 468* memohon harta pusaka sepeninggalan defendan kedua dan ketiga digantikan serta dinamakan sebagai defendan. Permohonan plaintif-plaintif telah ditolak oleh mahkamah ini pada 27 September 2012. Plaintif-plaintif merayu terhadap keputusan tersebut dan rayuan itu dibenarkan pada 3 April 2013. Oleh itu setiap kali rujukan kepada **E** defendan kedua dan ketiga dalam kes ini adalah bermaksud ditujukan kepada Tok Batin Adong bin Kuwau dan Tok Batin Daud bin Kadir masing-masingnya dan sekiranya mahkamah ini dapati mereka itu bertanggungan kelak, maka ia akan pasti dikaitkan dengan harta pusaka peninggalan mereka.

F

[27] *Defendan keempat* ialah firma undang-undang beramal di bawah nama dan gaya Messrs Khana & Co (kini telah dibubarkan). Anak kepada defendan pertama bernama Dinesh Kanavaji merupakan rakan kongsi dalam defendan **G** keempat bersama-sama dengan defendan pertama sejak 2 Januari 2004 sehinggalah defendan keempat dibubarkan dalam bulan Julai tahun 2012.

[28] Untuk makluman, satu-satunya rakan kongsi defendan keempat yang ada ialah Dinesh yang merupakan anak kepada defendan pertama. Dia **H** bertindak dan muncul atas kapasiti dirinya sendiri sangat aktif sepanjang perbicaraan termasuklah tapi tidak terhad kepada soalbalas semua plaintif-plaintif dan juga saksi mereka.

I **[29]** Satu lagi pihak yang amat *relevan* dalam tindakan kes ini ialah penerima dan pengurus ('R&M') yang dilantik oleh mahkamah iaitu Encik Ng Eng Kiat.

SENARAI ISU-ISU PERTIKAIAN

[30] Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini terdapat beberapa isu yang perlu dihuraikan dan dipertimbangkan. Isu-isu tersebut akan dianalisakan satu persatu untuk dirumuskan kredibiliti masing-masingnya. la adalah seperti berikut:

(a) sama ada defendan-defendan mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif;

(b) sama ada amanah ditubuhkan dengan sempurnanya;

(c) sama ada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah mengingkari/melanggari tanggungjawab mereka untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif;

(d) sama ada defendan-defendan mengingkari/melanggari tanggungjawab mereka untuk memberikan akaun-akaun beraudit sepertimana dikehendaki di bawah *cl 8* surat ikatan amanah;

(e) sama ada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji menyalahgunakan, menyalahuruskan, menyalahpakai tabung amanah berjumlah RM20.721,307.60 merangkumi lima jumlah wang berikut:

(i) RM16,054,111.92;

(ii) RM2,716,920;

(iii) RM1,057,340.33;

(iv) RM865,072.04; dan

(v) RM27,863.31.

(f) sama ada defendan pertama dan keempat bertanggungan untuk mengambil kira jumlah kos RM40,000 yang telah di*award*kan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Guaman Sivil 828* dan sama ada mereka sebenarnya telah pun mengambil kira hal itu;

(g) sama ada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah mengingkari/melanggar tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah apabila mereka membuat pengeluaran wang berjumlah *RM7 juta* daripada tabung amanah.

DAPATAN MAHKAMAH

[31] Setelah mahkamah mengkaji, meneliti dan menghalusi dokumen-dokumen yang difailkan termasuklah penghujahan bertulis oleh kedua-dua pihak plaintif-plaintif dan defendan-defendan serta diperjelaskan lagi melalui penghujahan secara lisan yang disokong oleh nas undang-undang

dan keputusan lampau kes yang relevan dengan fakta dan isu dalam tindakan ini, maka mahkamah ini membuat rumusan ke atas isu-isu yang disenaraikan sebelum ini seperti berikut:

Isu pertama: Sama ada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif

[32] Kesimpulan daripada kesemua keterangan yang dikemukakan, maka mahkamah ini merumuskan:

(a) adalah menjadi kebiasaan pemegang-pemegang amanah bertanggungan tugas fidusiari (*fiduciary duty*) kepada benefisiari bagi amanah. Seksyen 2 Specific Relief Act 1950 mentakrif pemegang amanah (*trustee*) sebagai termasuklah 'every person holding, expressly, by implication or constructively, a fiduciary character';

(b) sebagai pemegang-pemegang amanah di sini, maka defendan pertama dan kedua bertanggungan tugas fidusiari (*fiduciary duty*) kepada plaintif-plaintif. Dalam kes *Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd* (dahulunya dikenali sebagai *Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd (formerly known as Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd) v Solid Investments Ltd and another appeal* [2012] 4 MLJ 72 khususnya di ms 82 mentaksir tugas defendan pertama dan kedua bertanggungan kepada plaintif-plaintif sepertimana dalam kes kita ini sebagaimana berikut:

> A fiduciary is someone who has undertaken to act for or on behalf of another in a particular matter in circumstances which give rise to a relationship of trust and confidence. A fiduciary must act in good faith; he must not make a profit out of his trust; he must not place himself in a position where his duty and interest may conflict, he may not act for his own benefit or the benefit of a third person without the informed consent of his principal.

(c) defendan ketiga dan keempat adalah pemegang-pemegang amanah konstruktif (*constructive trustees*) bagi jumlah *actual compensation* yang diterima mereka. Jumlah yang diterima oleh defendan keempat adalah jumlah penuh *actual compensation* kerana ia merupakan firma guaman yang mewakili 52 orang asli di dalam Guaman Sivil 828 dan *actual compensation* itu dibayar kepadanya sepertimana dinyatakan di atas sebelum ini. Ini tidak pernah dipertikaikan oleh defendan keempat;

(d) lagipun defendan pertama dan keempat bertanggungan kepada 52 orang asli iaitu plaintif-plaintif di dalam Guaman Sivil 828 berasaskan mereka bertindak sebagai peguamcara. Ini juga merupakan satu kebiasaan sepertimana diputuskan di dalam kes *Tengku Abdullah Ibni Sultan Abu Bakar & Ors v Mohd Latiff bin Shah Mohd & Ors and other appeals* [1996] 2 MLJ 265 khususnya di ms 296 yang mana petikannya seperti berikut:

> The archetype of a fiduciary is of course the trustee, but it is recognised by the decisions of the courts that there are other classes of persons who normally stand in a fiduciary relationship to one another eg partners, principal and agent, director and company, master and servant, *solicitor and client*.

(e) defendan pertama dan keempat tidak boleh berhujah bahawa mereka tidak bertanggungan tugas kepada 52 orang asli kerana mereka hanya menerima arahan daripada tiga orang Tok Batin. Seksyen 117(4) Legal Profession Act 1976 meletakkan perjanjian yang mengecualikan tanggungjawab peguamcara kepada anak guamnya dengan petikan sebegini:

> A provision in any such agreement which states that the advocate and solicitor shall not be liable for negligence, or that he shall be relieved from any responsibility to which he would otherwise be subject as an advocate and solicitor, shall be wholly void.

(f) dalam kes ini tidak terdapat perjanjian di antara 52 orang asli dan defendan pertama dan/atau defendan keempat yang melepaskan defendan pertama dan/atau defendan keempat daripada tanggungjawab terhadap 52 orang asli, yang mana sekiranya ada pasti akan terbatal dalam apa-apa keadaan pun. Oleh itu defendan pertama dan keempat mempunyai tanggungan tugas kepada 21 orang plaintif-plaintif yang merupakan sebahagian 52 orang asli khususnya plaintif pertama; dan

(g) defendan-defendan telah cuba membatalkan guaman ini atas alasan ianya tidak mempunyai *privity of contract* di antara kesemua 52 orang asli dan defendan pertama dan keempat menerusi permohonan mereka dalam kandungan 151. Namun begitu permohonan tersebut telah ditolak oleh hakim dan dalam keadaan begitu maka mahkamah ini tiada pilihan lain hanyalah mengambil perhatian mengenainya.

[33] Kesimpulan daripada dapatan tersebut, maka diputuskan berikut:

(a) defendan pertama dan kedua yang merupakan pemegang amanah kepada amanah yang ditubuhkan mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif-plaintif sebagai benefisiari-benefisiari kepada amanah tersebut;

(b) defendan ketiga dan keempat adalah pemegang amanah konstruktif kepada jumlah atau amaun yang diterimanya bagi amanah tersebut mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif sebagai benefisiari-benefisiari kepada amanah itu; dan

(c) defendan pertama dan keempat yang merupakan peguamcara kepada plaintif-plaintif dalam Guaman Sivil 828 mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada plaintif No 1–21 iaitu merupakan sebahagian daripada 52 orang asli yang berkenaan.

Isu Kedua: Sama ada amanah ditubuhkan dengan sempurnanya mengikut klausa 3.1 dan 3.2 surat ikatan amanah (trust deed)

[34] Klausa 3.1 surat ikatan amanah (*trust deed*) adalah berkenaan dengan pembentukan amanah itu sendiri. Pemegang-pemegang amanah hendaklah terdiri daripada mereka berikut:

(a) dua daripada Tok Batin mesyarakat penduduk Kampung Pasir Assam (Pasir Intan), Sayung Pinang dan Semanggar;

(b) Ketua Pengarah bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia sekiranya beliau mahu menerima jawatan tersebut; dan

(c) satu orang lain yang bebas.

[35] Di sini mahkamah merumuskan amanah tidak pernah ditubuhkan dengan sempurnanya atas tiga alasan berikut:

(a) Ketua Pengarah bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia tidak pernah dijadikan pemegang amanah ataupun beliau dipelawa untuk menjadi pemegang amanah;

(b) Abdul Rahman bin Abdullah tidak pernah merupakan Tok Batin dan oleh itu beliau bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi pemegang amanah; dan

(c) defendan ketiga tidak pernah merupakan pemegang amanah tetapi beliau cuma dianggap sebagai seorang yang begitu.

[36] Analisa secara terperinci tiga alasan tersebut adalah seperti berikut:

(a) *Ketua Pengarah bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia tidak pernah dijadikan pemegang amanah ataupun beliau dipelawa untuk menjadi pemegang amanah:*

(i) berdasarkan perintah keempat kepada perintah amanah (*trust order*) maka Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hendaklah bertindak sebagai pemegang amanah. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah berkenaan tidak langsung dijadikan pemegang amanah kepada amanah tersebut;

(ii) mahkamah dapati defendan pertama dan/atau defendan keempat dalam menyediakan surat ikatan amanah (*trust deed*) tidak berniat bahawasanya Ketua Pengarah dijadikan pemegang amanah. Ini adalah jelas melanggar perintah amanah (*trust order*) khususnya klausa 3.1(b) surat ikatan amanah (*trust deed*) yang memperuntukkan seperti berikut:

> The DG shall be a trustee provided he is willing to accept such office.

(iii) surat ikatan amanah (*trust deed*) yang disediakan dan dilaksanakan oleh defendan pertama dan kedua dan Abdul Rahman bin Abdullah bertentangan dan melanggar terma dizahirkan dalam perintah keempat (*Order 4*) bagi perintah amanah (*trust order*). Jadi di sini wajarlah dikatakan bahawa surat ikatan amanah tersebut dilakukan secara tidak jujur dan pelanggaran tersebut berterusan;

(iv) dalam apa-apa keadaan sekalipun oleh kerana surat ikatan amanah tersebut disediakan dan diluluskan oleh mahkamah sepertimana sedia adanya, maka surat ikatan amanah tersebut meletakkan beban dan kewajipan ke atas defendan pertama dan keempat sebagai peguamcara bagi plaintif-plaintif dalam Guaman Sivil 828 serta juga sebagai pentadbir asal bagi amanah itu untuk mempelawa Ketua Pengarah menjadi pemegang amanah kepada amanah yang ditubuhkan. Kegagalan berbuat sedemikian, maka sepatutnya tidak ada pihak lain yang boleh melakukannya. Ketua Pengarah bukanlah pihak di dalam prosiding Guaman Sivil 828 dan sudah pasti tidak mempunyai notis berhubung perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah mengenainya dan oleh itu beliau tidak akan mengambil apa-apa langkah bagi melantik dirinya sebagai pemegang amanah;

(v) di sini defendan-defendan gagal melunaskan beban dan kewajipan mereka untuk mempelawa Ketua Pengarah untuk menjadi pemegang amanah kepada amanah yang berkenaan. Berhubung perkara ini rujukan dibuat kepada Dato' Fadzil bin Mohamud (PW59) yang memegang jawatan Ketua Pengarah daripada tahun 2004–2008. Peguamcara plaintif ada menghantar surat bertarikh 6 Jun 2006 kepada Ketua Pengarah sepertimana ditanda sebagai *eksh P117* semasa perbicaraan. Ketua Pengarah pula ada menjawabnya melalui surat bertarikh 30 Jun 2006 sepertimana di *eksh P116* menyatakan beliau tidak menerima apa-apa pelawaan malahan PW59 ada mengesahkannya sepertimana di ms 29–32 dalam nota prosiding *Vol* 29;

(vi) adalah diamati keterangan PW59 ini tidak pernah dipatahkan oleh defendan-defendan. Semasa PW59 disoal balas beliau kekal bahawasanya telah menyemak semua dokumen yang ada dengannya sebelum surat bertanda *eksh P116* dihantar dan mengesahkan tidak ada pelawaan pun diterimanya sepertimana dizahirkan di ms 29–32 dalam nota prosiding *Vol* 29;

(vii) jelas di sini keterangan diajukan oleh defendan-defendan iaitu surat defendan keempat bertarikh 5 Jun 2000 (rujuk *eksh D118*) kepada Ketua Pengarah cuma mengandungi perintah mahkamah dan surat ikatan amanah bertarikh 5 Jun 2000 dan tidak pernah

ada pelawaan dikemukakan disini. Surat jawapan Ketua Pengarah kepada surat defendan keempat bertarikh 16 Jun 2000 (rujuk *eksh D119*) juga cuma mengakui penerimaannya. Perintah mahkamah dan surat ikatan amanah tidak pernah membuat rujukan kepada sama ada beliau menerima atau menolak untuk menjadi pemegang amanah;

(viii) begitu juga apabila saksi defendan iaitu Mat Daud bin Hj Mat Zain (DW9) iaitu Timbalan Ketua Pengarah semasa memberi keterangan beliau juga bersetuju bahawasanya *eksh D118* tidak langsung mengandungi pelawaan kepada Ketua Pengarah untuk menjadi pemegang amanah sepertimana terpapar di ms 37 nota prosiding *Vol* 59;

(ix) lagipun DW9 apabila ditanya oleh Dinesh Kanawaji mengesahkan bahawa tiada pelawaan untuk Ketua Pengarah menjadi pemegang amanah kepada amanah tersebut sepertimana yang tercatat di ms 29–30 dalam nota prosiding *Vol* 57;

(x) berdasarkan fakta di atas, maka terbukti defendan-defendan telah gagal melantik atau mempelawa Ketua Pengarah menjadi pemegang amanah kepada amanah berkenaan dan ini memberi mereka peluang terbuka menggunakan sepenuhnya *actual compensation* yang telah dibayar keseluruhannya kepada defendan keempat oleh Kerajaan Negeri Johor;

(xi) oleh itu mahkamah merumuskan amanah itu tidak dibentuk secara sempurnanya;

(xii) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(1) defendan pertama dan kedua bertindak tanpa jujur menyediakan surat ikatan amanah kerana mereka tidak pernah berniat Ketua Pengarah dijadikan pemegang amanah yang jelas bertentangan dengan perintah amanah;

(2) defendan-defendan telah melanggar surat ikatan amanah kerana Ketua Pengarah tidak pernah dipelawa untuk menjadi pemegang amanah; dan

(3) sahlah amanah tersebut tidak dibentuk secara sempurnanya;

(b) *Abdul Rahman bin Abdullah tidak pernah merupakan Tok Batin dan oleh itu beliau bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi pemegang amanah*:

(i) tidak pernah dinafikan Abdul Rahman bin Abdullah merupakan seorang pemegang amanah sejak ianya ditubuhkan sehinggalah beliau meninggal dunia pada 8 Mac 2007. Ini ada diperuntukkan

dalam klausa 3.2(b) surat ikatan amanah. Namun begitu, Abdul Rahman bin Abdullah tidak dilantik sebagai Tok Batin seperti yang sepatutnya dan oleh itu beliau bukanlah orang yang layak dan sempurna untuk menjadi pemegang amanah;

(ii) walau apa-apa pun, Abdul Rahman bin Abdullah cuma wakil penduduk Kampung Pasir Intan. Untuk menjadi Tok Batin seseorang itu perlulah terlebih dahulu dipilih oleh penduduk kampung tersebut. Malangnya ini tidak dibuat dalam kes Abdul Rahman bin Abdullah;

(iii) fakta ini disokong oleh keterangan tiga orang saksi utama berikut:

(1) plaintif pertama (PW2);

(2) Tok Batin Hamdan bin Yusof (PW42); dan

(3) Collin George Nicholas (PW43);

(iv) keterangan relevan Collin George Nicholas (PW43) yang mencerahkan proses perlantikan Tok Batin adalah sepertimana yang dizahirkan di ms 27–28 dalam nota prosiding *Vol* 19. PW43 merumuskan hasil siasatan dan kajian beliau bahawa Abdul Rahman bin Abdullah tidak pernah pada bila-bila masa pun merupakan Batin atau ketua kaum mana-mana kampung berhubung perkara dalam mahkamah ini;

(v) keterangan PW43 ini disokong pula oleh pernyataan PW2 yang merupakan penduduk semasa Kg Pasir Intan di mana Abdul Rahman bin Abdullah dikatakan seorang Tok Batin. Keterangan relevan PW2 di sini mengesahkan bahawa Tok Batin yang sebenar di situ ialah Tok Batin Hamdan bin Yusof (PW42) dan Abdul Rahman bin Abdullah hanyalah wakil sementara di Kampung Pasir Intan sepertimana terserlah di ms 91 dalam nota prosiding *Vol* 8;

(vi) berikutnya keterangan PW43 ini juga disokong oleh pernyataan Tok Batin Hamdan bin Yusof (PW42) sendiri yang mengesahkan beliau adalah Tok Batin pertama di Kampung Pasir Intan dan Abdul Rahman bin Abdullah pula sekadar ketua kampung sementara sahaja sebelum PW42 dilantik secara rasminya sebagai Tok Batin di situ sepertimana dizahirkan di ms 24–26 dalam nota prosiding *Vol* 18;

(vii) mahkamah amati defendan-defendan tidak pernah pertikaikan keterangan PW2, PW42 dan PW43 berhubung perkara di atas. Malahan defendan-defendan juga telah gagal mengemukakan apa-apa bukti pun yang menunjukkan Abdul Rahman bin Abdullah adalah seorang Tok Batin;

(viii) berdasarkan keterangan, sememangnya ramai penduduk kampung orang asli merujuk Abdul Rahman bin Abdullah sebagai Tok Batin tetapi gelaran itu sekadar mudah digunakan kerana ketika itu beliau adalah wakil sementara di Kampung Pasir Intan. Sungguhpun demikian ianya tidak bermakna Abdul Rahman bin Abdullah diiktiraf oleh undang-undang memegang jawatan Tok Batin;

(ix) oleh itu dirumuskan amanah tidak ditubuhkan dengan sempurnanya kerana Abdul Rahman bin Abdullah bukanlah orang yang layak dan sesuai sepertimana yang ditakrifkan di dalam surat ikatan amanah menjadi pemegang amanah;

(x) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(1) Abdul Rahman bin Abdullah tidak pernah merupakan pemegang amanah dan oleh itu beliau bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi pemegang kepada amanah;

(2) defendan pertama dan kedua telah melanggar surat ikatan amanah apabila mereka melantik Abdul Rahman bin Abdullah untuk menjadi pemegang amanah; dan

(3) amanah tersebut tidak pernah ditubuhkan dengan sempurnanya;

(c) *defendan ketiga tidak pernah merupakan pemegang amanah tetapi beliau cuma dianggap sebagai seorang yang begitu:*

(i) pada semua masa yang material defendan ketiga adalah Tok Batin bagi Kampung Pasir Assam dan beliau sememangnya layak untuk menjadi pemegang amanah. Hakikatnya, pihak defendan-defendan mengangkat dan melantik defendan ketiga sebagai pemegang amanah kerana Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dikatakan menolak tawaran untuk dijadikan pemegang amanah;

(ii) walau bagaimanapun diperhatikan tidak terdapat keterangan bahawasanya defendan ketiga pernah dilantik untuk menjadi pemegang amanah. Defendan pertama semasa memberi keterangan dalam perbicaraan berjanji akan mengemukakan bukti bahawa defendan ketiga adalah pemegang amanah tetapi malangnya beliau gagal berbuat sedemikian dan fakta ini terdapat di ms 71–73 dalam nota prosiding *Vol* 38; di ms 10–11 dalam nota prosiding *Vol* 40 serta juga di ms 21 dalam nota prosiding *Vol* 41;

(iii) lagi pun ketika Hamzah bin Mohamed Tahir (DW3) disoalbalas beliau mengakui bahawa defendan ketiga bukanlah merupakan pemegang amanah dan ini ada tercatit di ms 74 dalam nota

prosiding *Vol* 52;

(iv) maka jelaslah di sini bahawa defendan ketiga tidak pernah menjadi pemegang amanah;

(v) mahkamah juga amati defendan ketiga dianggap pemegang amanah apabila beliau menandatangani dokumen-dokumen amanah seperti disenaraikan di bawah berikut:

(1) *memorandum of understanding (lihat ms 1692–1701 dalam dokumen D8)*;

(2) setiap salinan *sale and purchase agreement* bagi 27 unit *apartments.* (lihat ms 158–366 dalam dokumen D2 dan ms 367–560 dalam dokumen D3);

(3) surat daripada amanah kepada Amanah Raya Bhd (lihat ms 638 dalam dokumen D4);

(4) surat daripada amanah kepada Amanah Raya Bhd (lihat ms 644 dalam dokumen D4);

(5) surat-surat daripada amanah kepada Tetuan Sharifah & Assoc (lihat ms 654 dalam dokumen D4 dan ms 1675 dalam dokumen D8);

(6) surat-surat daripada amanah kepada Virgin Properties Sdn Bhd (lihat ms 1621 dan 1685 dalam dokumen D8); dan

(7) resolusi oleh amanah bertarikh 21 Januari 2008 dan 14 Julai 2008 (lihat ms 591 dan 592 dalam dokumen D);

(vi) jadi amat jelas berdasarkan keterangan sebelum ini semua resolusi-resolusi tersebut di atas adalah juga tidak sah dan terbatal;

(vii) defendan ketiga juga dikatakan telah mengesahkan 'Statutory Declarations' bersama defendan kedua dan Abdul Rahman bin Abdullah yang beliau menerima wang amanah berjumlah RM3,639,671.60 kononnya untuk diedarkan kepada benefisiari-benefisiari amanah tersebut sepertimana dizahirkan dalam ekshs D48, D49, D50, D51, D52, D53, D54A dan D54B. Tetapi yang menganehkan mana mungkin defendan ketiga menerima wang amanah dalam keadaan beliau sepatutnya tidak layakpun atau berhakpun berbuat sedemikian sepertimana yang diputuskan di dalam kes *Ooi Meng Khin v Amanah Scotts Properties (KL) Sdn Bhd* [2014] 6 ML J 488 khususnya di ms 499 dan 501 petikannya seperti di bawah berikut:

> It would be useful to now look at the essential ingredients that would need to be proven by a claimant desirous of benefitting from utilising this concept fo knowing receipt to found his cause of action against the

A third party recipient. Again, assistance may be obtained from the case of *Zage Ill*'s case where three elements needed to be funfilled namely:

(a) a disposal of the plaintiff's assets in a breach of fiduciary duty;

(b) the beneficial receipt by the defendant of assets which are traceable as representing the assets of the plaintiff; and

(c) knowledge on the part of the defendant that the assets received are traceable to the breach of the fiduciary duty.

But if he did suspect wrongdoing yet failed to make inquiries because he 'did not want to know' or because he regarded it as 'none of his business', that is another matter. Such conduct is dishonest, and those who are guilty of it cannot complain if, for the purpose of civil liability, there are treated as if they had actual knowledge.

(viii) berpandukan prinsip di atas tersebut, maka mahkamah merumuskan elemen *knowing receipt* telah pun dipenuhi di dalam kes di hadapan kita ini. Jelas defendan pertama dan kedua telah melanggar tugas-tugas fidusiari mereka terhadap plaintif-plaintif dan begitu juga defendan ketiga sudah pasti memperkaya dirinya tanpa adil dan beliau sepatutnya *knowing receipt* wang amanah tersebut apabila beliau tidak layakpun atau berhakpun menerimanya tanpa menyiasat lebih lanjut mengenainya; dan

(ix) oleh itu wajarlah di sini defedan ketiga didapati bertanggungjawab beramai-ramai dan bersama-sama dengan defendan kedua ke atas jumlah wang RM3,639,671.60 kerana *knowing receipt* wang amanah berkenaan.

[37] Berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(a) defendan-defendan telah gagal untuk membuktikan defendan ketiga telah dilantik dengan sempurnanya sebagai pemegang amanah;

(b) defendan ketiga tidak pernah menjadi pemegang amanah tetapi cuma sekadar dianggap atau dirujuk sebagai sebegitu;

(c) resolusi-resolusi amanah yang ditandatangani oleh defendan ketiga kononnya sebagai pemegang amanah adalah terbatal dan tidak sah; dan

(d) defendan ketiga telah memperkayakan diri secara tidak adil dan adalah bertanggungan kepada plaintif-plaintif kerana *knowing receipt* bagi jumlah RM3,639,671.60 dan dengan itu adalah diperintahkan sewajarnya membayar jumlah itu kepada plaintif-plaintif.

Isu ketiga: Sama ada defendan-defendan telah melanggari tanggungjawab mereka untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif

[38] Adalah menjadi kebiasaan benefisiari-benefisiari bagi amanah mempunyai kepentingan *equitable* ke atasnya dan oleh itu mereka mempunyai hak untuk memohon daripada pemegang-pemegang amanah semua dokumen-dokumen yang berkenaan sepertimana diputuskan di dalam kes *D'Rourke v Derbishire and others* [1920] AC 581 khususnya di ms 603 petikannya seperti di bawah berikut:

> As cestuis que trust they had a right to see all the documents relating to the trust passing between the trustees.

[39] Berikutnya kes *In Re Londonderry's Settlement Peat And Others v Walsh* [1965] Ch 918 khususnya di ms 932 menyatakan:

> A *cestui que trust*, in an action against his trustees is generally entitled to the production for inspection of all documents relating to the affairs of the trust. It is not material for the present purpose whether this right is to be regarded as a paramount proprietary right in the *cestui que trust*, or as a right to be enforced under the law of discovery'. Lord Wrenbury says: 'If the plaintiff is right in saying that he is a beneficiary, and if the documents are documents belonging to the executors as executors, he has a right to access to the documents which he desires to inspect upon what has been called in the judgements in this case as a proprietary right. The beneficiary is entitled to see all the trust documents because they are trust documents and because he is a beneficiary. They are in a sense his own. Action or no action, he is entitled to access to them. This has nothing to do with discovery. The right to discovery is a right to see someone else's documents. A proprietary right is a right to access to documents which are your own. No question of professional privilege arises in such a case. Documents containing professional privilege arises in such a case. Documents containing professional advice taken by the executors as trustees contain advice taken by trustees for their cestius que trust and the beneficiaries are entitled to see them because they are beneficiaries.

[40] Oleh sebab plaintif-plaintif merupakan benefisiari-benefisiari bagi amanah, maka mereka berhak dibekalkan dengan maklumat mengenai amanah bila mana dimintanya dan sama juga defendan pertama dan kedua sebagai pemegang-pemegang amanah mempunyai tanggungan membekalkan maklumat dipinta oleh plaintif-plaintif.

[41] Sejak amanah tersebut ditubuhkan plaintif-plaintif ada meminta maklumat dan akaun khususnya daripada defendan pertama sebagai pemegang amanah dan defendan keempat sebagai pemegang amanah konstruktif berhubung butir-butir *actual compensation* yang mengandungi jumlah RM22 juta merupakan amanah tersebut dan juga jumlah RM16,554,111.92.

[42] Susulan selidikan dibuat oleh peguamcara plaintif-plaintif didapati defendan pertama ada mengadakan perjumpaan dengan orang asli pada 27 Jun

2004 di Kampung Pasir Intan kononnya untuk menerangkan status amanah tersebut. Namun begitu diperjumpaan tersebut defendan pertama sekadar menyatakan bahawa RM22 juta merupakan sebahagian daripada *actual compensation* adalah selamat dan enggan memberikan butir-butir akaun jumlah tersebut dan juga gagal memberikan akaun baki jumlah RM16,554,1121.92 yang sepatutnya diagihkan kepada 52 orang asli setelah ianya dipotong dan dibuat pembayaran yuran guaman, kos dan fi rujukan yang berkenaan. Transkrip perjumpaan ini sepertimana dalam *eksh P96(A).*

[43] Ekoran daripada perjumpaan pada 27 Jun 2004 itu maka plaintif-plaintif telah membuat laporan polis terhadap defendan pertama dan keempat pada 5 Julai 2004 sepertimana di *eksh P65* serta juga aduan terhadap defendan pertama dan keempat kepada Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara pada 9 Julai 2004 sepertimana di *eksh P64.*

[44] Berikutnya plaintif-plaintif melalui peguamcara-peguamcara mereka pada 9 September 2005 menulis kepada defendan pertama hinggalah ketiga dan juga Abdul Rahman bin Abdullah meminta maklumat mengenai amanah tersebut yang mereka berhak ke atasnya tetapi defendan pertama hingga ketiga sekali lagi gagal dan enggan menjawab surat tersebut.

[45] Pada 6 Februari 2007 peguamcara plaintif-plaintif telah menulis kepada defendan keempat meminta penjelasan apa telah terjadi dengan jumlah RM16,554,111.92 dan mendesak dibekalkan pernyataan akaun bagi jumlah tersebut. Namun begitu defendan keempat membalas melalui surat bertarikh 15 Mac 2007 menyatakan plaintif-plaintif sepatutnya hanya merujuk hal tersebut kepada Tok Batin-Tok Batin. Berikutan daripada itu peguamcara palintif-plaintif menjawab melalui surat bertarikh 30 Mac 2007 sekali lagi mendesak akan akaun bagi RM16,554,111.92. defendan keempat enggan bertindakbalas kepada surat plaintif-plaintif tersebut dan juga menyerahkan apa-apa akaun yang sempurna berkait jumlah itu.

[46] Sehingga kini defendan-defendan telah gagal untuk membekalkan apa-apa maklumat mengenai amanah tersebut kepada plaintif-plaintif. Ini yang membawa kepada perlantikan penerima dan pengurus (R&M) dan sungguhpun demikian defendan-defendan juga telah enggan, mengabaikan dan/atau gagal untuk memberikan kepada penerima dan pengurus (R&M) dengan apa-apa maklumat mengenai amanah tersebut. Sebaliknya defendan-defendan menzahirkan penafian, pengelakan, tidak jujur dan membuatkan penerima dan pengurus (R&M) sukar untuk mendapatkan maklumat yang dipohon tersebut. Jadi tidak hairanlah plaintif-plaintif sehingga akhir ini menggunapakai semua hujahan-hujahan penerima dan pengurus (R&M) di dalam Guaman Sivil 106 dalam hal perkara ini. Lagipun

mahkamah amati perlanggaran tanggungan oleh defendan-defendan untuk membekalkan plaintif-plaintif yang merupakan benefisiari-benefisiari bagi amanah tersebut (*cestuis que trust*) dengan maklumat mengenai amanah tersebut adalah berterusan sehingga hari ini.

[47] Berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(a) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mempunyai tanggungan untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif mengenai amanah tersebut oleh sebab semua mereka itu adalah benefisiari-benefisiari bagi amanah itu;

(b) defendan-defendan, termasuklah Dinesh Kanavaji, melanggar tanggungan mereka untuk membekalkan maklumat kepada plaintif-plaintif; dan

(c) defendan-defendan bersikap mengelak, menahan dan tidak jujur apabila mereka diminta dibekalkan maklumat berkenaan.

Isu keempat: Sama ada defendan-defendan melanggari tanggungan mereka untuk menyerahkan akaun-akaun beraudit sepertimana dikehendaki di bawah klausa 8 surat ikatan amanah

[48] Berasaskan tanggungan fidusiari oleh defendan-defendan kepada plaintif-plaintif maka mereka mempunyai tanggungjawab untuk menyimpan dengan sempurnanya akaun mengenai tabung amanah. Dalam kes *Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 3 MLJ 457 khususnya di ms 632 telah diputuskan seperti berikut:

> Lest it is not obvious, it is the first duty of an accounting party, (including a trustee) ... to be constantly ready with his accounts (*Pearse v Green* (1819) 1 Jac & W 135, per Plumer MR). He must not only keep proper accounts, and allow a cestui que trust to inspect them, he must also, on demand, give a cestue que trust information and explainations as to the investment of and the dealings with the trust property *(Springett v Dashwood* (1860) 2 Giff 521).

[49] Lagipun surat ikatan amanah tersebut juga memerlukan defendan-defendan sebagai pemegang amanah untuk menyediakan akaun yang sempurna. Merujuk kepada klausa 8 surat ikatan amanah memperuntukkan seperti berikut:

> Accounts & Audit
>
> Clause 8.1 — In each financial year the Trustees shall have prepared by a certified public accountant authorised to practice in Malaysia financial statements including

A a profit and loss account and balance sheet as at the end of each financial year certified by such accountant to be a true and proper statement of the affairs of the Trust setting out all:

(a) income of the trust fund;

B (b) capital of the trust fund;

(c) costs and disbursements and other outgoing paid or payable out of the trust fund and chargeable against income;

(d) capital expenditure and liabilities chargeable to capital;

C (e) investments and money comprised in the Trust fund;

(f) amounts distributed by the trustees to each beneficiary;

(g) to the extent to which the trustees may require, the separate recording of any category of income of capital;

D Clause 8.2 — The Trustees shall:

(a) establish and maintain proper accounts in book or computer form which shall accurately record all receipts and outgoings in relation to the trust fund; and

E (b) shall separately record income and capital of different categories as are provided by this deed as the trustees may decide.

[50] Disebabkan pemegang-pemegang saham (termasuklah defendan F pertama dan kedua di sini) gagal, enggan dan/atau abai untuk membekalkan dan menyerahkan apa-apa akaun pun berkait amanah tersebut dan juga dana-dana amanah sepertimana yang dinyatakan di atas tadi, maka plaintif pertama telah memfailkan guaman dalam Johor Bahru High Court Suit No 24–197 Tahun 2006 terhadap defendan pertama sehingga ketiga serta juga G Abdul Rahman bin Abdullah untuk antaranya defendan pertama sehingga ketiga membekalkan salinan-salinan penyata kewangan yang disahkan oleh akauntan awam yang bertauliah daripada tarikh amanah tersebut ditubuhkan sepertimana dikehendaki oleh klausa 8.1 dalam surat ikatan amanah dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh penyerahan perintah berkenaan ('Guaman H Sivil 197').

[51] Hasil *Guaman Sivil 197* tersebut adalah seperti berikut:

(a) Mahkamah Tinggi pada 4 April 2006 telah memberikan perintah I interlokutori menghendaki defendan pertama hingga ketiga serta Abdul Rahman bin Abdullah untuk membekalkan akaun-akaun tersebut;

(b) defendan pertama hingga ketiga merayu ke Mahkamah Rayuan pada 25 April 2006 dan memfailkan notis usul untuk menangguhkan perintah interlokutori yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi. Notis

usul itu ditolak dengan kos oleh Mahkamah Rayuan pada 23 Januari 2007 dan rayuan tersebut kemudiannya ditolak;

(c) Tetuan Sharifah & Assoc yang mewakili defendan pertama hingga ketiga serta Abdul Rahman bin Abdullah kemudiannya mengemukakan pernyataan-pernyataan kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan untuk tahun-tahun berakhir 2000, 2001, 2002, 2003, 2004, 2005 dan 2006 yang disediakan oleh TCMK Associates kepada plaintif pertama;

(d) Guaman Sivil 197 dipanggil untuk pendengaran dan hakim memberikan penghakiman sepertimana terma-terma yang dipohon. Defendan-defendan dalam Guaman Sivil 197 ini tidak langsung merayu terhadap keputusan tersebut;

(e) pernyataan-pernyataan kewangan yang tidak diaudit/tidak disahkan mengandungi syarat oleh TCMK iaitu akaun-akaunnya belum lagi diaudit. Perkataan-perkataan tepat didapati di dalam setiap pernyataan-pernyataan kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan itu berbunyi seperti berikut:

> Pursuant to Clause 8.1 of the Deed of Trust dated 5th June 2000, we have prepared the financial statements of Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns) Trust comprising of the Balance Sheet as at 31st December 2002, Income and Expenditure Account, Receipts and Payments Account and the notes thereto for the year 1st January 2002 to 31st December 2002 under the historical cost convention from the records, vouchers, documents, information and explainations supplied to us by the trustees of the Trust. We draw attention to Note 6 of the accounts. *Nothing in the nature of an audit was carried out by us.*

(f) berasaskan fakta di atas, maka mahkamah ini tiada pilihan melainkan mengambil maklum Guaman Sivil 197 tersebut;

(g) oleh itu mahkamah ini merumuskan pernyataan kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan itu jelas tidak mematuhi surat ikatan amanah dan juga perintah mahkamah di dalam Guaman Sivil 197 atas dasar berikut:

(i) ianya bukanlah merupakan pernyataan-pernyataan kewangan diaudit/disahkan memperakui pernyataan urusan yang benar dan sempurna berhubung dengan amanah tersebut. PW1 ialah penerima dan pengurus (R&M) yang merupakan seorang akauntan berkanun bertauliah juga menyatakan di dalam keterangannya dalam nota prosiding *Vol* 1–9 bahawa pernyataan kewangan yang tidak beraudit/tidak sah adalah akaun-akaun yang tidak sempurna; and

(ii) lanya tidak menyediakan jumlah yang dibayar kepada setiap benefisiari bagi amanah tersebut sepertimana dikehendaki di dalam surat ikatan amanah.

[52] Lagipun pernyataan kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan ini bagi tahun-tahun 2000–2003 cuma disediakan dalam tahun 2004 yangmana ianya sepatutnya disediakan pada setiap tahun. Pernyataan-pernyataan kewangan ini cuma disediakan selepas plaintif-plaintif mula memintanya daripada defendan-defendan.

[53] Dalam keadaan begitu, maka plaintif-plaintif pun menggunakan Folks Corporate Services Sdn Bhd untuk menyediakan laporan menzahirkan sama ada penyata kewangan tidak beraudit/tidak sah itu mematuhi kehendak kontrak berhubung akaun-akaun beraudit dan juga dapatan mereka ke atas mana-mana transaksi yang tidak bersokong dan mencurigakan.

[54] Laporan disediakan oleh Folks Corporate Services Sdn Bhd bertarikh 17 Januari 2008 ditandakan sebagai *eksh D43* dan hasil dapatannya, antara lain, adalah seperti di bawah berikut:

(a) surat ikatan amanah telah tidak dipatuhi kerana ianya gagal memasuki Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebagai pemegang amanah;

(b) terdapat kurang daripada four orang pemegang amanah yangmana ianya tidak sejajar dengan terma-terma dalam surat ikatan amanah;

(c) antara tahun 2000–2006 penyata kewangan tidak beraudit/tidak disahkan menyatakan jumlah RM5,511,457 ada dibayar kepada benefisiari-benefisiari. Namun begitu jumlah kurang daripada RM2,778,300 sebaliknya diterima oleh benefisiari-benefisiari. Tidak terdapat pengiraan dibuat ke atas kejanggalan dalam penyata-penyata kewangan ataupun daripada defendan pertama dan kedua;

(d) tidak terdapat juga butir-butir terperinci mengenai fi perundangan, kos-kos, fi konsultansi dan perbelanjaan mengenai jumlah RM16,554,111.92 (45.29% daripada *actual compensation*) ada dinyatakan di dalam penyata-penyata kewangan tidak beraudit/tidak disahkan;

(e) penyata-penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan adalah jelas akaun tidak beraudit/tidak disahkan untuk diterima sebagai penyata-penyata urusan yang benar dan sempurna bagi amanah tersebut sepertimana yang dikehendaki dibawah surat ikatan amanah;

(f) jumlah sebanyak RM2,716,920 tidak pernah diambil pengiraan. Ini adalah jumlah wang kononnya dibayar kepada tiga orang Tok Batin untuk diagihkan kepada benefisiari-benefisiari tetapi plaintif-plaintif sebagai benefisiari-benefisiari tersebut tidak tahu mengenainya dan belum pernah menerima apa-apa jumlah wang tersebut; dan

(g) tidak ada cukai dibayar ke atas pendapatan amanah tersebut.

[55] Jadi jelaslah di sini bahawa defendan-defendan telah melanggar tanggungan mereka sebagai pemegang-pemegang amanah apabila gagal untuk membayar cukai ke atas pendapatan kepunyaan amanah tersebut yangmana tanggungan itu adalah berkanun dikenakan ke atas mereka semua. Setelah diketahui mengenainya penerima dan pengurus (R&M) lalu menulis kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mendapatkan pengecualian ke atas cukai-cukai yang perlu dibayar dan itu telah dibenarkan.

[56] Adalah diamati juga ketika defendan pertama mernberi keterangan semasa perbicaraan dan disoalbalas mengenai penyata-penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan, maka jawapannya meminta agar soalan-soalan yang berkenaan itu diajukan kepada TCMK.

(Lihat nota prosiding *Volumes* dan muka surat yang disenaraikan di bawah berikut:

(a) *Vol* 39 ms 128–129;

(b) *Vol* 40 ms 24, 84, 85, 86, 146, 151, 153, 156, 171 dan 172;

(c) *Vol* 41 ms 38 dan 41; dan

(d) *Vol* 42 ms 27, 30 dan 32.

[57] Defendan pertama juga meyakinkan mahkamah ini beberapa kali bahawa TCMK akan dipanggil untuk memberi keterangan menjawab perihal penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan dan malangnya defendan pertama sendiri langsung tidak memberi jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya berkenaan. Oleh sebab diyakinkan oleh defendan pertama, maka plaintif-plaintif tidak memanggil TCMK untuk memberi keterangan. Ini dizahirkan melalui nota prosiding dalam volume dan muka surat disenaraikan di bawah berikut:

(a) *Vol* 39 ms 128;

(b) *Vol* 40 ms 84, 85 dan 151;

(c) *Vol* 41 ms 30 dan 120;

(d) *Vol* 42 ms 30; dan

(e) *Vol* 44 ms 36.

[58] Namun begitu akhirnya TCMK langsung tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan Dinesh ketika memberi keterangan telah mengesahkan bahawa defendan-defendan tidak akan memanggil TCMK untuk memberi keterangan dan ini dapat dilihat dalam nota prosiding berikut:

(a) *Vol* 63 ms 69;dan

(b) *Vol* 66 ms 39.

[59] Andaikata TCMK dipanggil memberi keterangan sudah pasti mereka dapat merungkai dan mengesahkan perkara-perkara berikut:

(a) siapa yang melantik TCMK;

(b) apakah dokumen-dokumen yang telah diberikan kepada TCMK;

(c) siapa yang memberikan dokumen-dokumen tersebut kepada TCMK;

(d) dokumen-dokumen apakah yang tidak dilihat oleh TCMK;

(e) sama ada TCMK ada sebenarnya menerima surat pengesahan sepertimana dinyatakan di dalam penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan;

(f) sama ada TCMK ada melihat perakuan-perakuan berkanun (*statutory declarations*) oleh Tok Batin mengakui menerima wang berkenaan;

(g) pemikiran siapa berhubung dengan surat pengesahan tersebut (*letter of confirmation*);

(h) sama ada terdapat apa-apa pengeluaran wang daripada amanah selain daripada RM900 sebulan bagi setiap benefisiari yang dibenarkan mengikut surat ikatan amanah;

(i) sama ada TCMK mempunyai salinan surat ikatan amanah tersebut;

(j) sama ada penyata kewangan TCMK yang tidak beraudit/tidak disahkan itu mematuhi kehendak klausa 8.1 dalam surat ikatan amanah;

(k) kenapa penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan bagi tahun 2000–2003 disediakan dalam tahun 2004;

(l) jelaskan wang yang hilang kerana mengikut keterangan defendan pertama mengatakan cuma TCMK sahaja yang boleh menjelaskan perbezaan antara kandungan dikatakan perakuan-perakuan berkanun dan penyata-penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan itu;

(m) sama ada TCMK ada meminta Tok Batin berikrar perakuan-perakuan berkanun itu untuk mengesahkan mereka ada menerima wang amanah tersebut; dan

(n) pergerakan wang amanah tersebut kepada pelbagai institusi kewangan daripada tahun 2000–2008.

[60] Di dalam kes *Popular Industries Limited v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd* [1989] 3 MLJ 360 khususnya di ms 368 dinyatakan seperti berikut:

> I now proceed to the testimony of this witness ... Now it is alleged by the plaintiffs that both the oral testimony of the accountant Mr So (regarding the financial operations) and that the statement P76 prepared by him were based upon the results of his examination of the account books of the plaintiffs for the relevant period. However the account books themselves were never produced and the defendants never dispensed with formal proof of the loss of profits allowed or at all. In my opinion the result of this glaring omission was to render such oral evidence of Mr So and P76 inadmissible in evidence.

[61] Kes ini juga merujuk kepada keputusan dalam *Johnson v Kershaw* (1847) 63 ER 1059 petikannya seperti berikut:

> If the accounts books had been in evidence the accountants statement of the results of his examination of those books as the evidence of a person of skill, might be receivable: but, as the books were not in evidence I must decline to receive the deposition of Mr Peet as to their contents.

[62] Jadi berdasarkan keputusan dalam kes dinyatakan di atas tersebut, maka mahkamah ini membuat inferen yang bertentangan terhadap defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji kerana kegagalan mereka untuk memanggil TCMK dan oleh itu mengenepikan apa-apa keterangan oleh defendan pertama dan Dinesh Kanavaji yang kononnya menjelaskan segala urusan berkait dengan amanah tersebut.

[63] Banyak lagi akan diperkatakan mengenai bermacam-macam jumlah wang amanah tersebut yang gagal dikesan untuk tujuan pengiraan dalam isu-isu yang berikutnya nanti. Walau bagaimanapun mengenai penyata kewangan yang tidak beraudit/tidak disahkan adalah diamati defendan pertama serta kedua sebagai pemegang amanah dan defendan ketiga serta keempat, termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal secara keseluruhannya untuk melaksanakan dengan benar dan sempurna tanggungan mereka sebagai pemegang amanah dan juga telah bertindak melanggar amanah tersebut dengan cara berikut:

(a) defendan pertama dan kedua telah gagal, enggan dan/atau abai pada keseluruhannya untuk membekalkan dan menyerahkan apa-apa maklumat dan akaun berkaitan amanah tersebut dan juga wang-wang amanah sejak ditubuhkan amanah tersebut dalam tahun 2000 melalui perintah amanah dan surat ikatan amanah sehinggalah tahun 2006;

(b) defendan pertama dan kedua sehingga kini telah gagal, enggan dan/atau abai pada keseluruhannya untuk membekalkan dan menyerahkan apa-apa akaun amanah tersebut dan juga wang-wang amanah sepertimana dikehendaki di bawah klausa 8.1 dalam surat ikatan amanah;

(c) defendan pertama dan kedua sehingga kini telah gagal untuk mematuhi perintah mahkamah bertarikh 4 April 2006 yang menghendaki mereka untuk mengemukakan akaun beraudit sejajar dengan surat ikatan amanah;

(d) Dinesh Kanavaji sebagai rakan kongsi kepada defendan keempat mempunyai akses kepada maklumat mengenai amanah tersebut ketika perintah mahkamah dalam Guaman Sivil 197 diberikan kerana penyata-penyata akaun amanah tersebut telah dihantar oleh amanah raya kepada defendan keempat dan bukannya kepada defendan pertama atas kapasiti dirinya sendiri. Oleh itu Dinesh Kanavaji mempunyai tanggungan untuk mematuhi dengan perintah mahkamah tersebut; dan

(e) lagipun defendan pertama dan kedua telah dengan angkuhnya enggan untuk menyediakan dan mengemukakan akaun-akaun amanah tersebut yang telah dengan benarnya diaudit/disahkan sepertimana dikehendaki oleh klausa 8.1 dalam surat ikatan amanah bagi tahun-tahun kewangan berakhir 2007 dan 2008. Sekali lagi ini melanggar perintah dalam Guaman Sivil 197.

[64] Berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(a) surat ikatan amanah menghendaki pemegang-pemegang amanah menyediakan akaun beraudit tahunan yang mana mencerminkan dengan tepat kedudukan kewangan amanah tersebut iaitu membawa maksud bahawa apa-apa penyata akaun disediakan oleh pemegang-pemegang amanah dan/atau akauntan-akauntan amanah tersebut hendaklah diperakui oleh auditor pihak ketiga yang bebas untuk mengesahkan penyata-penyata tersebut adalah penyata-penyata urusan amanah yang benar dan sempurna;

(b) defendan pertama dan kedua sebagai pemegang-pemegang amanah gagal memenuhi tanggungan mereka sepertimana dikehendaki oleh surat ikatan amanah untuk menyediakan akaun-akaun amanah beraudit tahunan;

(c) Dinesh Kanavaji, sebagai rakan kongsi kepada defendan keempat, yang mempunyai akses kepada akaun kepunyaan defendan keempat mempunyai tanggungan untuk membekalkan kepada plaintif-plaintif perihal semua wang kepunyaan amanah tersebut yang dipegang oleh defendan keempat; dan

(d) defendan pertama dan kedua telah melakukan pecah amanah dan adalah bertanggungan kepada plaintif-plaintif untuk memperihalkan semua wang amanah tersebut dan sekiranya gagal berbuat sedemikian maka perlulah mempampas kepada amanah tersebut semua wang yang tidak dibuat pengiraan pun.

Isu kelima: Sama ada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji menyalahgunakan, menyalahuruskan, menyalahpakai wang-wang amanah tersebut merangkumi lima jumlah wang yang masing-masingnya seperti berikut

(a) RM16,054,111.92;

(b) RM2,716,920;

(c) RM1,057,340.33;

(d) RM865,072.04; dan

(e) RM27,863.31.

[65] Semenjak menggunapakai khidmat Folks Corporate Services Sdn Bhd dan selepas itu perlantikan penerima dan pengurus (R&M) oleh Mahkamah Tinggi Malaya terdapat 12 laporan dikeluarkan dan difailkan di mahkamah dan dikemukakan sebagai keterangan sepertimana yang dizahirkan dalam *ekshs D1–D7.*

[66] Laporan-laporan ini telah menzahirkan jumlah sebanyak RM20,721,307.60 yang belum dibuat pengiraan oleh defendan-defendan. Jumlah yang dinyatakan tadi merangkumi lima jumlah yang berbeza khususnya RM16,054,111.92; RM2,716,920; RM1,057,340.33; RM865,072.04; RM27,863.31 dan setiap jumlah akan dianalisa masing-masingnya.

[67] Dalam hal ini mahkamah merumuskan defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal untuk mengambil kira semua jumlah yang dinyatakan di atas tadi sama ada bila mereka diminta membuat sedemikian sebelum tindakan guaman ini difailkan ataupun semasa perbicaraan sedang berjalan. Berhubung perkara yang sama adalah diamati tidak terdapat pun pengiraan yang sempurna dibuat ke atas sernua jumlah tersebut dan oleh itu jelas ianya membuktikan defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah menyalahguna, menyalahurus dan/atau menyalahambil jumlah wang berkenaan.

[68] Defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji adalah bertanggungan untuk membayar balik kepada amanah tersebut kesemua wang berjumlah RM20,721,307.60.

[69] Dapatan mahkamah ini adalah berdasarkan hasil-hasil selidikan oleh penerima dan pengurus (R&M) sepertimana yang dizahirkan di dalam laporan-laporan yang disediakannya. Analisa terperinci mahkamah mengenai setiap jumlah-jumlah tersebut dibuat berasingan seperti berikut:

A (a) defendan-defendan menyalahguna, menyalahurus dan menyalahambil wang amanah tersebut berjumlah RM16,054,111.92.

(i) dalam pelaksanaan perintah amanah (*trust order*) dinyatakan seperti berikut:

B

> the balance of the Actual Compensation (amounting to RM16,554,111.92) was to be paid forthwith to the Plaintiffs' Solicitors, Messrs Khana & Co, Kuala Lumpur to be distributed to the Plaintiffs after the deduction and payment of all legal fees, costs, consultation fees and expenses incurred for the purpose of and in
C connection with, the prosecution of this Originating Summons and all subsequent related proceedings.

(ii) namun begitu defendan-defendan telah gagal untuk membuat pengiraan bagi jumlah RM16,554,111.92 yang telah dibayar di
D dalam akaun defendan keempat pada atau sekitar 13 Julai 2000 sungguhpun mereka sepatutnya berbuat sedemikian. Lagipun terdapat juga perjanjian antara defendan pertama dan tiga orang Ketua Kampung yang memberi hak kepada defendan pertama ke atas yuran kepeguaman sebanyak RM500,000 sekiranya mereka
E menang dalam kes Guaman Sivil 828. Oleh itu defendan-defendan adalah dikehendaki untuk mengambil kira baki jumlah sebanyak RM16,054,111.92;

(iii) sepanjang sesi perbicaraan, defendan pertama cuba menunjukkan bahawa RM16,554,111.92 itu diagihkan sebegini:

F

(1) RM4,554,111.92 bagi yuran kepeguaman defendan pertama;

(2) RM6,650,000 dibayar kepada Dato' R Rajasingam;

(3) RM5 juta dibayar kepada Dato RR Sethu;

G (4) RM2,200,000 dibayar kepada Hamzah bin Mohamed Tahir; dan

(5) RM2,650,000 diberi kepada tiga orang Ketua Kampung untuk diagihkan kepada benefisiari-benefisiari amanah tersebut berjumlah kesemuanya 424 orang;

H (iv) keterangan-keterangan ini ada dizahirkan di ms 24–73 dalam nota prosiding *Vol* 36;

(v) berhubung mengenai pembayaran-pembayaran di atas, defendan-defendan telah cuba menjustifikasikannya dengan cara
I begini:

(1) defendan-defendan telah mengemukakan memorandum persefahaman sepertimana di *eksh P83* kononnya membenarkan defendan pertama memegang 50% daripada apa-apa jumlah yang diberikan oleh Mahkamah dalam Guaman Sivil 828 hanya

sekiranya jumlah tersebut melebihi RM6,400,000 sepertimana diperuntukkan di klausa 9 memorandum persefahaman. Oleh sebab itu defendan-defendan berkeras mengatakan mereka mempunyai justifikasi membuat bayaran-bayaran kepada defendan pertama, Dato' R Rajasingam dan Dato RR Sethu;

(2) defendan-defendan juga berkeras mengatakan Hamzah bin Mohamed Tahir adalah wakil kepada orang asli dan tiga orang Ketua Kampung tersebut telah mengarahkan defendan pertama membayar mereka RM2,200,000 dan oleh itu defendan pertama dan keempat melakukannya mengikut sepertimana diarahkan oleh tiga orang Ketua Kampung itu;

(3) seterusnya defendan-defendan berkeras mengatakan bahawa sebenarnya terdapat 424 benefisiari-benefisiari kepada amanah dan bukanlah 52 sahaja. Defendan-defendan juga bertegas jumlah RM2,650,000 itu yang diberikan kepada tiga orang Ketua Kampung telah diagihkan kepada 424 benefisiari-benefisiari yangmana setiap seorang menerima RM2,500. Alasan defendan-defendan berbuat demikian kononnya mengikut perintah amanah;

(4) sebalik keterangan defendan-defendan di atas itu mahkamah juga amati terdapat fakta-fakta yang bertentangan mengenainya seperti berikut:

(A) memorandum persefahaman tersebut adalah pemikiran semula. Ianya direka oleh defendan-defendan selepas plaintif-plaintif mulai soalselidik mengenai *actual compensation*;

(B) apa-apa sekalipun, memorandum persefahaman tersebut adalah menyalahi undang-undang dan dengan itu ianya tidak sahlaku;

(C) defendan-defendan mempunyai tanggungan untuk membuat pengiraan yang sempurna kesemua jumlah wang yang dibelanjakan dan tidak boleh sekadar membuat bayaran secara longgokan tanpa mengeluarkan invois yang sempurna bagi apa-apa perkhidmatan kononnya dilaksanakan;

(D) defendan-defendan tidak dibenarkan membayar kepada Hamzah bin Mohamed Tahir apa-apa jumlah wang daripada *actual compensation.* Persetujuan oleh plaintif-plaintif tidak pernah diminta ataupun diperolehi berhubung perkara ini;

(E) cuma terdapat 52 orang benefisiari-benefisiari dalam amanah tersebut dan bukannya 424 orang. Lagipun penting dimaklumkan di sini bahawa sekiranya 424 orang itu diberi bayaran RM2,500 setiap seorang sepertimana didakwa oleh defendan-defendan

sudah pasti ianya hanya berjumlah RM1,060,000 dan bukannya RM2,650,000.

Berasaskan fakta-fakta tersebut di atas, maka jelaslah defendan-defendan telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalah ambil tabung amanah berjumlah RM16,054,111.92 dan mereka adalah bertanggungjawab untuk mempampas jumlah yang sama kepada benefisiari-benefisiari amanah tersebut.

(5) seterusnya lima fakta-fakta yang bertentangan di atas itu mahkamah mengupasnya dengan lebih terperinci seperti di bawah berikut:

(A) *memorandum persefahaman adalah pemikiran semula dan direka oleh defendan-defendan:*

(I) defendan-defendan langsung tidak menyebut perihal memorandum persefahaman di dalam pembelaan mereka ataupun cubaan dibuat untuk meminda pembelaan mereka untuk memasuki perihal memorandum persefahaman;

(II) diamati apabila defendan pertama disoalbalas, maka beliau mengesahkan bahawa perjanjian bertulis yang disebut di perenggan 5, 7–10, 18, 25, 27.1, 45, 50, 59 dan 61 dalam pernyataan pembelaan bukanlah merujuk kepada memorandum persefahaman. Mengikut defendan pertama 'Perjanjian' yang dirujuk itu telah musnah dalam kebakaran yang berlaku di pejabat defendan keempat dalam bulan Mei 2007 sepertimana yang dizahirkan di ms 62 dan 90–95 dalam nota prosiding *Vol* 43;

(III) pertama kali plaintif-plaintif mempunyai notis mengenai memorandum persefahaman ini ialah ketika pertukaran dokumen-dokumen antara pihak-pihak yang berkenaan untuk tujuan menyediakan dokumen-dokumen dalam guaman ini. Memorandum persefahaman tersebut langsung tidak dikemukakan oleh defendan pertama apabila beliau dikehendaki memberi justifikasi pendirian defendan-defendan dalam hal jumlah wang sebanyak RM16,554,111.92 kepada prosiding Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara yang ditubuhkan dalam tahun 2004. Perkara ini tidak pernah dipertikai pun;

(IV) lagipun adalah didapati memorandum persefahaman ini adalah dibohongi kerana penuh dengan percanggahan khususnya diamati memorandum persefahaman ini yang ditanda sebagai *eksh P83* adalah satu dokumen yang tidak lengkap. Lihat klausa 7 dan 8 dalam memorandum persefahaman tersebut ada merujuk kepada 'Lampiran A' tetapi malang sekali ianya gagal

dikemukakan kepada mahkamah ini sepertimana dizahirkan di ms 118–119 dalam nota prosiding *Vol* 42.

> Jadi dirumuskan memorandum persefahaman tersebut adalah satu pemikiran semula dan sewajarnyalah tidak diberi pertimbangan atau pengiraan oleh mahkamah ini.

(B) *apa-apa memorandum persefahaman ini adalah menyalahi undang-undang dan tidak sahlaku:*

(I) rujukan dibuat kepada s 112(1)(b) Legal Profession Act 1976 yang memperuntukkan seperti berikut:

> Except as expressly provided in any written law, or by rules made under this Act, no advocate and solicitor shall ... enter into any agreement by which he is retained or employed to prosecute any suit or action or other contentious proceeding which stipulates for or contemplates payment only in the event of success in such suit, action or proceeding.

(II) dalam kes *Mokhtar Ngah & Co v Yee Seng Plantations Sdn Bhd* [2009] 10 CLJ 348 khususnya di ms 356, 362 dan 363 dinyatakan seperti berikut:

> *Di muka surat 356*:
>
> [7] Bagi perkhidmatan tersebut, defendan bersetuju membayar kepada Plaintif, fee yang munasabah. Bayaran RM148,000 telah pun dibuat oleh defendan kepada Plaintif.
>
> (c) Perjanjian Saraan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana ianya batal (*void*) atas alasan:
>
> (ii) Ianya melanggar peruntukan di bawah Seksyen 112 Akta 166. Perjanjian Saraan tersebut bersifat *champertous.*
>
> *Di muka surat 362*:
>
> [23] untuk menjadikan sesuatu perjanjian yang dipersoalkan itu *champerty*, tidaklah perlu bahawa dalam perjanjian tersebut mesti terdapat satu stipulasi yang nyata (*express stipulation*) yang menyatakan bahawa bayaran (kepada peguam) akan dibuat hanya jika kejayaan dicapai dalam tindakan yang berkenaan. Stipulasi yang nyata (*express stipulation*) tersebut adalah tidak perlu jika perjanjian yang dipertikaikan itu memperuntukkan bayaran (kepada peguam) berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi dalam tindakan yang berkenaan. Ini adalah kerana tidaklah dapat dinafikan bahawa perjanjian yang memperuntukkan bayaran (kepada peguam) berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi dalam tindakan yang berkenaan itu adalah pada hakikatnya satu perjanjian yang menetapkan bayaran (kepada peguam) hanya jika kejayaan dicapai dalam tindakan yang berkenaan.
>
> *Di muka surat 363:*

A

[25] (sama ada situasi yang menghasilkan jumlah/nilai penghakiman atau situasi yang menghasilkan jumlah/nilai yang dipersetujui), adalah jelas bahawa plaintif akan menerima habuannya pada kadar satu pertiga, hanya jika kejayaan dicapai oleh defendan terhadap Pihak Berkuasa Negeri Terengganu di dalam kes- kes yang melibatkan kedua-

B

dua konsesi tersebut. Oleh itu berdasarkan kepada otoriti-otoriti yang telah saya rujuk, tiada keraguan difikiran saya dan saya memutuskan bahawa Perjanjian Saraan tersebut adalah perjanjian *champerty* dan/atau bertentangan dengan peruntukan di bawah Seksyen 112(1)(b) Akta 166.

C

(III) jadi dirumuskan bahawa yuran guaman yang dijangkakan dibayar kepada defendan pertama adalah bergantung padanya memenangi Guaman Sivil 828 mengikut memorandum persefahaman. Jadi jelaslah di sini bahawasanya memorandum

D

persefahaman iaitu perjanjian *champertous* dan perjanjian sebegitu adalah terbatal disebabkan peruntukan s 112 Legal Profesion Act 1976;

(C) defendan-defendan mempunyai tanggungan untuk membuat pengiraan yang sempurna kesemua jumlah wang yang

E

dibelanjakan dan tidak boleh sekadar membuat bayaran-bayaran secara longgokan tanpa mengeluarkan invois yang sempurna bagi apa-apa perkhidmatan kononnya dilaksanakan;

(I) oleh sebab memorandum persefahaman tersebut adalah terbatal,

F

maka apa-apa yuran kepeguaman dituntut oleh defendan-defendan hendaklah dijustifikasikan dan malangnya ianya tidak berlaku dalam kes ini;

(II) defendan-defendan telah mengemukakan baucar-baucer

G

kononnya mencatitkan angka-angka jumlah keseluruhan jumlah longgokan wang tetapi tidak dibekalkan butir-butir terperinci kerja dilaksanakan. Lagipun kesahihan baucar-baucer tersebut amatlah diragui kerana ianya tidak mempunyai kepala surat atas nama defendan keempat, Dato' Rajasingam dan Dato RR Sethu

H

sepertimana yang dizahirkan di ms 79–107 dalam nota prosiding *Vol* 43;

(III) defendan-defendan juga gagal untuk membekalkan butir-butir terperinci kononnya mengenai konsultan-konsultan asing yang

I

nyata digunakan khidmat mereka untuk memberikan bantuan dalam Guaman Sivil 828 sepertimana dizahirkan di ms 123–124 dalam nota prosiding *Vol* 43 dan juga di ms 29–32 dalam nota prosiding *Vol* 44;

(IV) oleh itu dirumuskan defendan-defendan telahpun gagal untuk menjustifikasikan pembayaran-pembayaran dibuat kepada

defendan keempat, Dato' Rajasingam dan kononnya konsultan-konsultan asing serta Dato RR Sethu; A

(V) lagipun persetujuan-persetujuan oleh plaintif-plaintif tidak pernah diminta untuk semua wang itu dikeluarkan. Juga penting diambil maklum bahawa Tok Batin tidak pernah diberi kebenaran untuk membuat keputusan bagi pihak plaintif-plaintif mengenai amanah tersebut. PW42 dalam keterangannya di ms 33–34 dalam nota prosiding *Vol* 18 mengesahkan bahawa Tok Batin atau Ketua Kampung perlu berbincang dengan penduduk-penduduk kampung terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan dalam apa halpun boleh dibuat. Hal yang sama juga dinyatakan oleh PW43 sepertimana di ms 28 dalam nota prosiding *Vol* 19; B C

(VI) jadi daripada keterangan di atas jelas menunjukkan defendan-defendan tidak membekalkan apa-apa keterangan membuktikan ada kebenaran diperolehi daripada plaintif-plaintif bagi wang-wang yang berkenaan itu dibayar kepada defendan keempat, Dato' Rajasingam, kononnya konsultan-konsultan asing dan Dato RR Sethu; D

(VII) oleh itu merumuskan mahkamah ini bahawasanya defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalah ambil wang-wang amanah; E

(D) *defendan-defendan tidak dibenarkan membayar kepada Hamzah bin Mohamed Tahir apa-apa jumlah wang daripada actual compensation. Persetujuan oleh plaintif-plaintif tidak pernah diminta ataupun diperolehi berhubung perkara ini*; F

(I) terdapat bukti jumlah wang sebanyak RM2,200,000 dibayar kepada Hamzah bin Mohamed Tahir. Namun begitu pembayaran tersebut menggunakan *cheques* dijelaskan kepada isteri Hamzah bin Mohamed Tahir bernama Sa'adiah. Fakta ini tidak pernah dipertikaikan oleh defendan-defendan; G

(II) adalah diamati defendan-defendan tidak mempunyai kuasa untuk membayar wang sebanyak RM2,200,000 daripada jumlah RM16,554,111.92 kepada Hamzah bin Mohamed Tahir atas dua sebab seperti berikut: H

(aa) pertamanya, amanah membenarkan pembayaran berkait *legal fees, costs, consultation fees and expenses.* Hamzah bin Mohamed Tahir bukanlah seorang peguam ataupun konsultan dan juga tidak terdapat invois atau bil yang sah yang menghendaki wang-wang itu dibayar kepadanya. Hal ini ada ditanya kepada Hamzah bin Mohamed Tahir sendiri ketika beliau memberi keterangan dan I

beliau mendakwa terdapat perjanjian secara lisan untuk membayarnya 15% daripada pampasan yang diberikan. Hamzah bin Mohamed Tahir memberi alasan bahawa habuan tersebut diberikan kerana usahanya menolong orang asli menulis beberapa surat dan memandu Tok Batin ke Kuala Lumpur beberapa kali sepertimana dizahirkan di ms 76–80 dalam nota prosiding *Vol* 52;

(bb) keduanya, defendan-defendan tidak pernah memperoleh persetujuan daripada 52 orang asli mengenai pembayaran tersebut;

(III) jadi sekali lagi mahkamah ini merumuskan defendan-defendan telah menyalahgunakan, menyalahuruskan dan menyalahambil wang-wang amanah;

(E) cuma terdapat 52 orang benefisiari-benefisiari amanah dan bukannya 424 orang:

(I) defendan-defendan mendakwa perintah amanah menamakan 424 benefisiari-benefisiari amanah. Walau bagaimanapun sehingga sekarang ini defendan-defendan telah gagal untuk mengenalpasti 424 orang yang kononnya dikatakan benefisiari-benefisiari tersebut;

(II) berasaskan keterangan keseluruhannya, mahkamah amati dakwaan defendan-defendan itu adalah satu rekaan dan amat mengelirukan. Ianya jelas satu pemikiran semula ditimbulkan oleh defendan-defendan selepas plaintif-plaintif mula menyoalselidik mengenai perihal amanah ini. Apa yang nyata ia lah 424 orang itu kononnya dikatakan benefisiari-benefisiari langsung tidak diplidkan di dalam pernyataan pembelaan defendan-defendan;

(III) di dalam jadual kepada surat ikatan amanah ada dinyatakan secara lahiriah bahawa cuma ada 52 orang benefisiari-benefisiari sahaja. 52 orang benefisiari-benefisiari ini adalah merupakan 52 orang asli yang dinamakan sebagai plaintif-plaintif dalam Guaman Sivil 828. 52 orang asli ini dipilih sebagai wakil-wakil kepada keluarga mereka yang menghuni kampung-kampung terbabit ketika itu;

(IV) defendan-defendan bukan sahaja gagal untuk mengenalpasti kononnya 424 benefisiari-benefisiari tersebut tetapi mereka juga gagal menunjukkan wang berjumlah RM2,650,000 sebenarnya telah diagihkan kepada 424 orang itu;

(V) malahan TCMK ada menyatakan di dalam penyata-penyata kewangan bahawa mereka tidak dapat mengesahkan sama ada jumlah wang telah sempurna disampaikan kepada 424 kononnya

penerima-penerima kerana ketiadaan bukti menunjukkan sedemikian; A

(VI) defendan-defendan juga tidak boleh mendakwa bahawa *statutory declaration* oleh tiga orang Ketua Kampung yang menyatakan mereka ada menerima wang dan telah mengagihkannya kepada 424 kononnya benefisiari-benefisiari adalah keterangan yang mencukupi untuk membuktikannya sepertimana dizahirkan dalam *eksh D48, D49, D50, D51, D52, D53, D54A, D54B dan D158*; B

(VII) mahkamah di sini mengatakan *statutory declaration* tersebut adalah berkepentingan kepada defendan-defendan kerana ianya tidak dapat disahkan ketulenan dan kebenarannya; C

(VIII) lagi pun didapati hubungan peguamcara dengan anakguamnya jelas terjalin di antara 52 orang asli dan defendan pertama dan/atau defendan keempat dan tidak sekali-kali wujud melalui tiga orang Ketua Kampung sebagai proxinya, peguamnya, agen dan/atau orang suruhannya; D

(IX) dalam hal amanah ini mahkamah ingin mengambil perhatian kepada kes *Amat Loyut & Ors v Saling Lau Bee Chiang & Ors (No 3)* [2014] 1 LNS 249 dan petikannya seperti berikut: E

> There were only 52 beneficiaries named in the Trust Deed and this had been confirmed by the Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ('JHEOA') in exhibit D25. It was therefore legally impossible for the 424 alleged beneficiaries to be given beneficial ownership over the 21 units of condominium. Mr Subramaniam was aware of this because he knew that the Trust Deed contained only 52 beneficiaries. He also knew that the orders obtained in the 228 and 106 Suits pertaining to the trust properties had been finally determined by the Federal Court. When he was asked who these 424 alleged beneficiaries were, Mr Subramaniam said that he did not know them. If he did not know who they were, how then did he know that they had beneficial interest over the properties?' F G

(X) jadi jelaslah di sini bahawasanya cuma terdapat 52 orang sahaja benefisiari-benefisiari kepada amanah dan bukannya 424 orang sepertimana yang didakwa oleh defendan-defendan; H

(XI) oleh itu mahkamah ini merumuskan defendan-defendan telah gagal menjelaskan kedudukan baki jumlah RM2,650,000 daripada wang RM16,554,111.92 dan dengan itu bertanggungan untuk membayarnya balik ke dalam amanah demi memanfaatkan benefisiari-benefisiari yang sebenarnya; I

(F) tanggungjawab Dinesh Kanavaji:

(I) ini adalah dapatan tambahan mahkamah merumuskan bahawa

Dinesh Kanavaji mempunyai tugasan menjelaskan kedudukan wang berjumlah RM16,554,111.92 sungguhpun beliau hanya berkhidmat dengan defendan keempat sebagai pekongsi dalam tahun 2004. Dengan itu Dinesh Kanavaji sepatutnya dijadikan bertanggungjawab secara kendiri untuk membayar balik kepada amanah dengan apa-apa jumlah wang yang beliau gagal memperjelaskan statusnya sebenar;

(II) peraturan umum mengenai isu ini ada diperuntukkan di s 11 Partnership Act 1961 seperti berikut:

> Every partner in a firm is liable jointly with other partners for all debts and obligations of the firm incurred while he is a partner, and after his death his estate is also severally liable in a due course of administration for such debts and obligations, so far as they remain unsatisfied by subject to the prior payment of his separate debts.

(III) sungguhpun saranan umum undang-undang tidak mengangkat Dinesh Kanavaji bertanggungjawab disebabkan oleh tanggungan defendan keempat sebelum beliau bersamanya sebagai pekongsi tetapi terdapat pengecualian kepada peraturan tersebut sepertimana diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Oriental Bank Bhd v Nordin Hamid & Ors* [2010] MLJU 1905; [2011] 5 CLJ 237 yang petikannya berbunyi seperti berikut:

> With respect, I am not persuaded by this argument. It is true that when the legal firm received the monies from the High Court and the District Land Administrator the fourth respondent then was not yet a partner of the firm. However, it is significant to note that, even after the fourth respondent had joined the legal firm on 1 June 1996, the monies were still not handed over to the rightful owner, the appellant; and the monies (except in respect of the net proceeds of the account of Faridah which were remitted to the appellant very late on 23 December 1997) were still not remitted to the appellant even after two notices of demand were issued, namely (1) by the appellant's Head of Legal Unit on 14 January 1996, and (2) by the appellant's solicitors on 28 June 1999. In my judgement, in the circumstances of the case, the fourth respondent is still liable in respect of the firm's obligation to make restitution to the appellant by reason of s 11 of the Partnership Act. The legal obligation of the legal firm to make restitution did not cease at the time the fourth respondent joined the legal firm (1 June 1996). So long as the monies were not remitted to the appellant, meaning that so long as the legal obligation to make restitution in respect of the net proceeds was not carried out by the legal firm, that legal obligation persists; and that legal obligation was still continuing at the time the fourth respondent joined the firm on 1 June 1996, and even thereafter. In my judgement the phrase 'obligations of the firm incurred while he is a partner's in s 11 of the Partnership Act ought to be interpreted to

include this continuing obligation. In interpreting s 11, it must be borne in mind that the legal firm benefitted by retaining the appellant's monies. The legal firm was a partnership. The fourth respondent was a partner in that partnership with effect from 1 June 1996. Thus, he to, as a partner of the firm (the partnership), benefitted from the unlawful retention of the monies from the day he joined the partnership. Therefore, it would not be justified if s 11 were to be narrowly interpreted in a manner that would absolve the fourth respondent from the firm's legal obligation to make restitution in respect of those monies.

(IV) *Oriental Bank Bhd v Nordin Hamid & Ors* ini mengiktiraf prinsip *continuing obligation* apabila mengintepretasikan peruntukan s 11 Partnership Act 1961;

(V) oleh itu mahkamah ini merumuskan defendan keempat bukanlah merupakan pekongsi yang biasa tetapi lebih kepada perkongsian kekeluargaan sepertimana ditakrifkan di dalam *Garner Black's Law Dictionary* di ms 1230 petikannya begini:

Business partnership which the partners are related. In this phrase, the term family includes a person's spouse, ancestors, lineal descendants, siblings, and any trusts established primarily for the benefit of those persons.

(VI) jadi defendan keempat menerima manfaat daripada jumlah wang sebanyak RM16,554,111.92 apabila ianya dipindahkan kepada mereka hinggalah keperingkat Dinesh Kanavaji mula berkhidmat sebagai pekongsi dalam tahun 2004 dan oleh sebab defendan keempat merupakan perkongsian kekeluargaan berbanding perkongsian perniagaan biasa, maka sudah pasti tanggungjawabnya juga dibebankan ke atas Dinesh Kanavaji.

(VII) di sini Dinesh Kanavaji sentiasa melibatkan dirinya dalam pengurusan amanah tersebut oleh sebab ianya perniagaan bapanya dan ini dizahirkan apabila Dinesh Kanavaji menghadirkan diri dalam perjumpaan dengan orang asli pada 27 Jun 2004 bersama defendan pertama di Kampung Pasir Intan, terbukti di ms 123 dalam nota prosiding *Vol* 18;

(VIII) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(aa) memorandum persefahaman (MoU) disandarkan atau digunakan oleh defendan-defendan adalah pemikiran semula, diada-adakan dan direka sedemikian;

(bb) memorandum persefahaman (MoU) adalah menyalahi undang-undang dan oleh itu ia terbatal;

(cc) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mempunyai

tugasan untuk mengambil kira semua bil-bil untuk menjustifikasikan wang berjumlah RM16,554,111.92 itu daripada *actual compensation*;

(dd) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal untuk mengemukakan pengiraan tersebut semasa perbicaraan;

(ee) defendan pertama dan defendan keempat cuma layak kepada RM500,000 daripada *actual compensation* sebagai kos profesional mereka bagi mengendalikan Guaman Sivil 828;

(ff) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalah ambil wang-wang amanah berjumlah RM16,054,111.92;

(gg) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah tidak jujur dalam cubaan menutup penyalahgunaan, penyalahurusan dan penyalahan ambil wang-wang amanah berjumlah RM16,054,111.92;

(hh) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji adalah bertanggungan untuk membayar balik kepada amanah wang berjumlah RM16,054,111.92;

(iii) defendan-defendan menyalahguna, menyalahurus, menyalahambil wang-wang amanah berjumlah RM2,716,920:

(1) apabila Folks Corporate Services Sdn Bhd mula-mula dilantik oleh plaintif-plaintif mereka telah mengeluarkan laporan hasil dapatan mengenai hal ehwal amanah tersebut. Dapatan-dapatan Folks Corporate Services mengenai jumlah wang yang tidak dimasuk dalam pengiraan sebanyak RM2,716,920 dizahirkan semula seperti di bawah berikut:

The Linggiu Valley Orang Asli (Jakuns) Trust-Report

Financial Statements (cont'd)

5. Financial Performance (cont'd),

c. Distribution to Beneficiaries.

The surpluses generated by the Trust in each period/year have been distributed to beneficiaries, as follows:

Period/Year Ended	Total Distributed to Beneficiaries RM	Distributed through the Batin (Headmen) RM	Auto Banking to Savings Accounts RM	Distributed under legal action RM
31.12.2000	184,400	184,400	–	–
31.12.2001	908,640	908,64	–	–
31.12.2002	1,000,313	408,113	592,200	–
31.12.2003	876,613	325,813	550,800	–
31.12.2004	831,019	280,219	550,800	–
31.12.2005	830,275	285,775	544,500	–
31.12.2006	880,197	323,960	540,000	16,237
	5,511,457	2,716,920	2,778,300	16,237

The Accountants' Report for period ended 31.12.2000 and each of the financial years from 31.12.2001 to 31.12.2006 state that the various sums amounting to RM2,716,920 as shown above, were paid to the following three (3) Batin, for subsequent distribution to the remaining members of the three (3) communities:

Batin	Community
Abdul Rahman b Abdullah	Kampung Pasir Assam (Pasir Intan)
Daud a/l Kadir	Semanggar
Adong b Kuwau	Sayong Pinang

The Accountants' Report further states that they have sighted vouchers evidencing those payments to the three (3) representatives and have also received letters of confirmation of receipt from them. However individual receipts of payment to the remaining members of the three (3) communities were not available.

No details are available as to the nature of the dispute between parties in the case of the sum of RM 16,237 distributed under legal action, in 2006.

Clause 8.1 of the Deed of trust requires the Trustees to have prepared by a certified public accountant authorised to practice in Malaysia financial statements including a profit and loss account and balance sheet, setting out, inter alia, the amounts distributed by the Trustees to each beneficiary.

The Financial Statements for the period ended 31.12.2000 and the years ended 31.12.2001 to 31.12.2006 do not set out the amounts distributed by the Trustees to each beneficiary.

(2) jadi defendan-defendan mempunyai tugasan untuk membuat kiraan wang berjumlah RM2,716,920 merupakan interest lebihan diperolehi daripada RM22 juta setelah diagihkan jumlah wang sebanyak RM2,778,300 kepada benefisiari-benesiari amanah

tersebut secara perbankan auto ke dalam akaun-akaun simpanan daripada tahun 2002–2006;

(3) mahkamah merumuskan sekiranya wang-wang tersebut diperbankan ke dalam akaun-akaun simpanan benefisiari-benefisiari pada setiap bulan mulai tahun 2002, maka apa perlunya di sini Tok Batin memegang wang tunai sebegitu banyak;

(4) defendan-defendan mendakwa Tok Batins ada menerima jumlah wang tersebut dan berikrar mengenainya di dalam pengisytiharan berkanun (*statutory declarations*) sepertimana dan bila ianya diminta oleh TCMK dan ini dinyatakan di dalam *ekshs D48, D49, D50, D51, D52, D53, D54A, D54B dan D158*;

(5) namun begitu, dakwaan defendan-defendan ini amat tidak meyakinkan kerana di dalam penyata-penyata kewangan TCMK yang tidak beraudit/tidak diperakui sah tidak langsung menyebut atau rujukan kepada apa-apa pengisytiharan berkanun (*statutory declarations*) yang diikrarkan oleh tiga orang Ketua Kampung;

(6) lagipun pengisytiharan berkanun (*statutory declarations*) yang diketengahkan oleh defendan-defendan ini cuma disediakan dari bulan Ogos 2004 dan berikutnya iaitu selepas plaintif pertama membuat aduan-aduan serta laporan polis;

(7) oleh itu mahkamah merumuskan bahawa tujuan pengisytiharan berkanun (*statutory declarations*) ialah untuk menutup penyalahgunaan, penyalahurusan dan penyalahan ambil wang-wang amanah tersebut berjumlah kesemuanya RM2,716,920 oleh defendan-defendan;

(8) juga sekiranya benar wang berjumlah RM2,716,920 itu telah diagihkan kepada 52 orang asli oleh Tok Batins sudah tentu terdapatnya sistem mempastikan semua orang dibayar dengan sempurnanya dan tidak bertindih. Malangnya semua bukti-bukti sedemikian tidak dikemukakan kepada mahkamah. Dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab defendan-defendan sebagai pemegang-pemegang amanah membekalkan semua pengiraan tersebut tetapi mereka gagal berbuat sedemikian;

(9) jadi jumlah wang sebanyak RM2,716,920 tidak pernah dibuat pengiraan oleh defendan-defendan semasa perbicaraan sepertimana yang dizahirkan di ms 116–127 dalam nota prosiding *Vol* 39. Mahkamah juga sedia maklum defendan pertama ada memberi keterangan semasa perbicaraan bahawa banyak dokumen-dokumen mengenai amanah tersebut telah musnah dalam kebakaran di premis defendan keempat pada 19 Mei 2007.

Sekiranya kenyataan itu benar, maka TCMK tidak akan berupaya mengemukakan akaun-akaun untuk tahun berakhir 31 Disember 2006 yang mana ianya ada dibuat pada 24 September 2007;

(10) terdapat juga *standing instruction* oleh defendan pertama bagi Agro Bank memindahkan lebihan interest setiap bulan diperolehinya ke dalam akaun bank persendirian beliau sepertimana dizahirkan di ms 10 dalam nota prosiding *Vol* 42;

(11) begitu juga mahkamah merumuskan sekali lagi bahawa Dinesh Kanavaji harus bertanggungjawab bagi jumlah wang sebanyak RM2,716,920;

(12) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(A) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mempunyai tugasan untuk membuat kiraan wang berjumlah RM2,716,920 yang dimaksudkan untuk benefisiari-benefisiari amanah tersebut memandangkan ianya adalah interest lebihan diperolehi setiap bulan daripada RM22 juta;

(B) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal membuat kiraan wang berjumlah RM2,716,920;

(C) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah menyalahguna, menyalahurus dan menyalah ambil wang-wang amanah berjumlah RM2,716,920;

(D) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji tidak jujur dalam cubaan untuk menutup penyalahgunaan, penyalahurusan dan penyalahan mengambil wang-wang amanah berjumlah RM2,716,920;

(E) defendan-defendan termasuklah Kanavaji adalah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada amanah wang berjumlah RM2,716,920;

(iv) *defendan-defendan menyalahguna, menyalahurus dan/atau menyalahambil wang-wang amanah berjumlah RM1,057,340.33*:

(1) mahkamah amati terdapat pengeluaran wang tunai yang tidak pernah diperjelaskan perbuatan itu daripada akaun-akaun bank kepunyaan amanah tersebut di Agro Bank berjumlah RM1,057,340.33. Pecahan pengeluaran wang-wang tunai tersebut adalah seperti berikut:

(A) RM28,089.15 dikeluarkan daripada akaun Agro Bank bernombor 100–202–10000–18282 sepertimana di *ms 2084 eksh D10*;

(B) dua jumlah iaitu RM592,900 dan RM435,451.18

masing-masingnya dikeluarkan daripada akaun Agro Bank bernombor 100–202–10000–09074 sepertimana di *ms 2065 dan 2067 di eksh D10*;

(C) RM900 telah dikeluarkan daripada akaun Agro Bank bernombor 100–202–10000–26694 sepertimana di *ms 2089–2090 eksh D10*;

(2) begitu juga mahkamah merumuskan sekali lagi bahawa Dinesh Kanavaji harus bertanggungjawab bagi jumlah wang sebanyak RM1,057,340.33;

(3) defendan-defendan gagal mengambil kira pengeluaran-pengeluaran wang tunai yang tidak pernah diperjelaskan perbuatan itu semasa perbicaraan dan oleh itu defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji adalah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada amanah tersebut wang berjumlah RM1,057,340.33;

(4) berhubung perkara ini rujukan adalah dibuat kepada laporan yang disediakan penerima dan pengurus (R&M) seperti di ekshibit berikut:

(A) di ms 2065 dalam eksh D10;

(B) di ms 2067 dalam eksh D10;

(C) di ms 2084 dalam eksh D10; dan

(D) di ms 2090 dalam eksh D10;

(5) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(A) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mempunyai tugasan untuk mengambil kira pengeluaran wang tunai yang tidak pernah diperjelaskan perbuatan itu daripada akaun-akaun bank kepunyaan amanah tersebuit di Agro Bank bernombor 100–202–10000–18282, 100–202–10000–09074 dan 100–202–10000–26694 berjumlah kesemuanya RM1,057,340.33;

(B) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal untuk mengambil kira wang berjumlah RM1,057,340.33 semasa perbicaraan; dan

(C) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji adalah bertanggungjawab membayar balik kepada amanah tersebut wang berjumlah RM1,057,340.33;

(v) defendan-defendan menyebabkan amanah tersebut kehilangan pendapatan berjumlah RM865,072.04:

(1) susulan pengeluaran wang berlebihan sepertimana di atas itu oleh defendan-defendan dan tanpa apa-apa justifikasi atau alasan, maka amanah tersebut telah mengalami kehilangan pendapatan berjumlah RM865,072.04;

(2) jumlah ini diperolehi daripada interest yang amanah tersebut sepatutnya terima sekiranya pemegang-pemegang amanah tersebut tidak mengeluarkan wang-wang daripada akaun amanah tersebut untuk kepentingan diri mereka sendiri sepertimana dizahirkan di ms 2162 dalam laporan penerima dan pengurus (R&M) di *eksh D10* dan ms 2286–2289 dalam *eksh D11*;

(3) begitu juga mahkamah merumuskan sekali lagi bahawa Dinesh Kanavaji harus bertanggujawab bagi jumlah wang sebanyak RM865,072.04;

(4) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(A) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah menyebabkan amanah tersebut mengalami kehilangan pendapatan hasil daripada pengeluaran wang amanah tersebut yang berlebihan untuk kegunaan mereka sendiri di mana mereka telah gagal menjustifikasikan dan/atau membuat pengiraan sedemikian;

(B) jumlah kehilangan yang minima dialami oleh amanah tersebut hasil daripada pengeluaran yang berlebihan oleh defendan-defendan dan kegagalan mereka untuk mengambil kira hal sedemikian itu ialah sekurang-kurangnya RM865,072.04 dan kehilangan tersebut berterusan sehingga sekarang; dan

(C) defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji adalah bertanggungjawab membayar balik RM865,072.04 kepada amanah tersebut;

(iv) *defendan-defendan menyalahguna, menyalahurus dan menyalahambil wang-wang amanah berjumlah RM27,863.31*:

(1) wang RM22 juta yang disimpan di dalam akaun simpanan tetap amanah tersebut di Agro Bank dan dikeluarkan pada 16 September 2002 sebenarnya mempunyai jumlah RM22,027,863.31 kerana terdapat interest terakru tepat pada 16 September 2002. Berpaksikan surat bertarikh 16 September 2002 ditandatangani oleh defendan pertama, defendan kedua dan Abdul Rahman bin Abdullah, mengarahkan Bank Pertanian Malaysia memindahkan hasil berjumlah RM22,027,863.31 bersih daripada bayaran-bayaran bank kepada akaun Citibank

Bhd bernombor 0–8736662–018 dipegang atas nama persendirian defendan pertama;

(2) selepas itu pada 9 Oktober 2002 wang berjumlah RM22 juta (tanpa *interest* yang sepatutnya telah terakru pada masa itu) dipulangkan ke dalam akaun simpanan bernombor 114–013–105–719 yang dikekalkan di Malayan Banking Bhd dibuka atas nama defendan kedua dan Abdul Rahman bin Abdullah;

(3) selain *interest* terakru ketika wang RM22,027,863.31 di dalam akaun Citibank Bhd bernombor 0–8736662–018 tidak diberitahu kepada plaintif-plaintif sehingga kini, maka mahkamah juga amati tiada terdapat apa-apa maklumat pun mengenai bahagian interest sebanyak RM27,863.31 yang didapati lesap apabila wang-wang berkenaan dipindahkan ke dalam akaun simpanan bernombor 114–013–105–719 di Malayan Banking Bhd;

(4) mengenai hal ini mahkamah merujuk kepada laporan-laporan dibuat oleh penerima dan pengurus (R&M) sepertimana di ekshibit-ekshibit berikut:

(A) di ms 2086–2088 dalam *eksh D10*;

(B) di ms 2232–2236 dalam *eksh D11*;

(C) di ms 990–991 dalam *eksh D16*; dan

(D) di mus 1029–1034 dalam *eksh D16.*

(5) defendan-defendan ketika disoalbalas tidak dapat memberi justifikasi mengenai jumlah wang RM27,863.31 sepertimana tercatit di ms 21–33 dalam nota prosiding *Vol* 42;

(6) oleh itu mahkamah merumuskan bahawa jumlah wang sebanyak RM27,863.31 itu disimpan oleh defendan pertama secara menyalahi undang-undang;

(7) berdasarkan keseluruhan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(A) defendan pertama menyalahi undang-undang menyimpan wang berjumlah RM27,863.31 yang merupakan interest terakru daripada RM22 juta tersebut; dan

(B) defendan pertama adalah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada amanah tersebut wang berjumlah RM27,863.31.

Isu keenam: Sama ada defendan pertama dan keempat telah gagal untuk

mengambil kira kos sebanyak RM40,000 yang diawardkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam Guaman Sivil 828

[70] Apabila Guaman Sivil 828 dibicarakan di Mahkamah Persekutuan, maka ianya telah mengekalkan keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi dan memerintahkan jumlah RM40,000 dibayar kepada responden-responden iaitu 52 orang asli.

[71] RM40,000 ini sebenarnya dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor kepada defendan keempat yang bertindak sebagai peguamcara bagi 52 orang asli. Namun begitu sehingga sekarang ini tiada justifikasi ataupun penjelasan diberikan oleh defendan pertama atau defendan keempat mengenai wang berjumlah RM40,000 ini yang sepatutnya diagihkan kepada 52 orang asli tersebut.

[72] Defendan-defendan mendakwa bahawasanya wang berjumlah RM40,000 ini telah diagihkan kepada orang asli tetapi mengikut keterangan DW2 sendiri beliau bersetuju tiada apa-apa dokumen dikemukakan di mahkamah ini untuk membuktikan sedemikian sepertimana dicatatkan di ms 40–43 dalam nota prosiding *Vol* 42.

[73] Berdasarkan fakta di atas, maka wajarlah di sini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(a) defendan pertama dan keempat mempunyai tugasan untuk mengambil kira jumlah kos sebanyak RM40,000 yang diawardkan oleh Mahkamah Persekutuan bertujuan memfaatkan 52 orang asli;

(b) defendan pertama dan keempat tidak berhak sewenang-wenangnya menggunapakai RM40,000 tanpa terlebih dahulu menjustifikasikan fee mereka berjumlah sedemikian;

(c) defendan pertama dan keempat telah gagal untuk menjustifikasikan penggunaan wang berjumlah RM40,000 tersebut; dan

(d) defendan pertama dan keempat adalah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada amanah tersebut wang berjumlah RM40,000 itu.

Isu ketujuh: Defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah mengingkari tugasan mereka sebagai pemegang-pemegang amanah apabila mereka mengeluarkan RM7 juta daripada tabung amanah

[74] Adalah tidak dipertikaikan bahawa sekitar tahun 2008 wang sebanyak RM7 juta telah dikeluarkan daripada tabung amanah dan digunakan untuk membeli 27 unit Lanai Gurney Apartments.

[75] Oleh itu mahkamah akur dengan permintaan pemulihan (*remedy*) oleh plainti-plaintif sama seperti diguna pakai oleh penerima dan pengurus (R&M) dalam Guaman Sivil 106 berkenaan.

[76] Sebagai tambahan, mahkamah ini juga merumuskan seperti berikut:

(a) RM7 juta itu sebenarnya pada awal digunakan untuk meningkatkan saham modal (*share capital*) syarikat Virgin Properties Sdn Bhd di mana defendan pertama merupakan pemegang saham dan Dinesh Kanavaji pula adalah pengarahnya. Ini jelas menunjukkan pengurusan kendiri (*self dealing*);

(b) pembelian 27 unit Lanai Gurney Apartments itu bukan satu pelaburan yang dibenarkan mengikut Trustee Act 1949 kerana s 4(c)(ii) di bawah Akta yang sama menghendaki apa-apa pelaburan sedemikian mestilah ada jumlah sewaan minima yang tidak kurang daripada 7% setahun dan malangnya ianya tidak wujud dalam kes kita ini. Oleh itu defendan-defendan telah melanggari peruntukan di bawah Trustees Act 1949;

(c) pengeluaran wang sebanyak RM7 juta itu tidak dilakukan mengikut kehendak surat ikatan amanah khusus klausa 7.2 yang memperuntukkan seperti berikut:

> The Trustees shall have the power to apply or invest monies subject to a contrary direction of the Court be limited to the investments authorised or permitted under the Trustee Act 1949.

(d) oleh sebab pengeluaran wang berjumlah RM7 juta mengingkari atau melanggari Trustees Act 1949 kerana ianya bukan pelaburan yang dibenarkan sepertimana ditakrifkan dalam Akta tersebut dan juga melanggari surat ikatan amanah. Lagipun mahkamah ini tidak pada bila-bila masa pun mengeluarkan perintah membenarkan pengeluaran wang tersebut dan/atau membuat pelaburan; and

(e) oleh yang demikian, maka mahkamah ini memutuskan defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji didapati telah melanggar tugasan mereka di bawah peruntukan surat ikatan amanah.

ISU-ISU SAMPINGAN

[77] Selain tujuh isu-isu utama yang telah mahkamah huraikan secara terperinci di atas tersebut, maka adalah didapati juga isu-isu sampingan yang lain perlu dianalisa dengan teliti untuk mencapai satu keputusan yang lengkap dan menyeluruh. Isu-isu tersebut adalah seperti di bawah berikut:

(a) saksi-saksi plaintif-plaintif bersedia, dengan benarnya dan berkredible memberi keterangan dan tidak pernah diajar atau dilatih berbuat sedemikian;

(b) tidak wujud pun konspirasi antara plaintif-plaintif, peguamcara plaintif-plaintif, penerima dan pengurus (R&M) dan peguamcara penerima dan pengurus (R&M);

(c) defendan-defendan dan saksi-saksi mereka bersifat suka mengelak dan mempertahankan diri ketika memberi keterangan dan ini memberi kesan mudarat kepada diri mereka;

(d) banyak cubaan oleh defendan-defendan untuk membatalkan kes ini dan/atau mengenepikan peguamcara plaintif-plaintif;

(e) banyak cubaan defendan-defendan untuk mengenepikan penerima dan pengurus (R&M);

(f) perihal Guaman Sivil 143 (23NCVC-143–10 Tahun 2012);

(g) penghakiman oleh YA Vernon Ong Lam Kiat berkait kandungan 6, 7, 15 dan 16; dan

(h) nilai masa hadapan amanah tersebut tetapi digagalkan oleh perlakuan defendan-defendan.

Isu Pertama: Saksi-saksi plaintif-plaintif bersedia, dengan benarnya dan berkredible memberi keterangan dan tidak pernah diajar atau dilatih berbuat sedemikian

[78] Dalam hal ini mahkamah sedia maklum bahawasanya plaintif-plaintif adalah orang asli yang tidak biasa bertutur dalam Bahasa Malaysia dan berada di mahkamah. Setelah memerhatikan *demeanour* plaintif-plaintif ketika memberi keterangan, maka mahkamah amat yakin mereka amat bersedia dan berkredible dan tidak mungkin diajar atau dilatih apacara dan pada bila-bila masa pun untuk berbuat sedemikian. Saksi-saksi plaintif-plaintif adalah PW3 hingga PW41 dan berikutnya PW44 hingga PW54.

[79] Begitu juga saksi-saksi lain plaintif-plaintif adalah jujur, konsisten dan berkredible. Mahkamah tanpa ragu-ragu percaya dan menerima keterangan mereka. Mahkamah tidak nampak mana-mana saksi plaintif-plaintif bermotif untuk menipu semasa memberi keterangan pada mahkamah.

[80] Saling bin Lau Bee Chiang (PW2) ialah plaintif pertama. Beliau adalah orang asli yang dipilih oleh plaintif-plaintif untuk mewakili kepentingan mereka dalam kes ini. PW2 juga telah dijadikan sasaran cubaan berterusan

defendan-defendan untuk tidak menggalakkan PW2 daripada meneruskan tuntutannya. PW2 memang seorang yang tabah dan konsisten sepanjang keterangannya di mahkamah.

[81] Begitu juga Colin George Nicholas (PW43) keterangannya amat kredible. Untuk menyokong keutuhannya terdapat biodata PW43 dikemukakan sebagai bukti dan ditanda sebagai *eksh P103.* PW43 bukanlah orang asli tetapi telah bekerja tanpa penat lelah selama 20 tahun untuk menegakkan kebenaran orang asli di Malaysia dan juga persatuan dipeloporinya *Centre for Orang Asli Concerns* (COAC) yang telah menerima pengiktirafan antarabangsa berdasarkan kerja-kerja cemerlang dilakukannya. Mahkamah amati PW43 tidak mempunyai apa-apa sebab untuk menipu sebab beliau tidak akan memperoleh apa-apa sekiranya plaintif-plaintif memenangi guaman ini.

[82] Berikutnya keterangan penerima dan pengurus (R&M) (PW1) juga seorang yang kredible kerana ianya disokong oleh keterangan dokumentar dan dapatan-dapatan fakta yang mana semuanya telah difailkan di mahkamah serta tidak pernah disangkal dengan jayanya oleh defendan-defendan.

[83] Saksi-saksi lain plaintif-plaintif iaitu Roshan Jason Balan (PW55), Lathika Prabhakharan (PW56), Shaiful Omar bin Ahmad (PW57), Azhari bin Siman (PW58) dan Dato Fadzil bin Mohamud (PW59) adalah jujur, kredible dan keterangan mereka semua konsisten dan defendan-defendan didapati tidak berupaya untuk menyangkal perkara-perkara penting dalam keterangan saksi-saksi tersebut.

[84] Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa saksi-saksi plaintif-plaintif memberi keterangan dengan sedianya, berkredible dan tidak sekali-kali dilatih atau diajar berbuat sedemikian.

Isu kedua: Tidak wujudnya konspirasi antara plaintif-plaintif, peguamcara plaintif-plaintif, penerima dan pengurus (R&M) dan peguamcara (R&M)

[85] Defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji mendakwa tuntutan plaintif-plaintif adalah hasil konspirasi antara peguamcara plaintif-plaintif, Penerima dan Pengurus (R&M), peguamcara R&M, plaintif pertama dan Colin George Nicholas (PW43) untuk mendapatkan manfaat daripada wang-wang amanah tersebut.

[86] Namun begitu Dinesh Kanavaji tidak dapat mengemukakan apa-apa bukti untuk menyokong dakwaan yang tidak berasas itu semasa memberi keterangan.

[87] Oleh itu dakwaan defendan-defendan tersebut adalah diada-adakan serta tidak berasas dan ianya semberono, menyakitkan hati dan menyalahguna proses mahkamah. Dakwaan tersebut jelas dibuat untuk melambatkan atau tergesa-gesa dalam guaman ini dan juga tidak jujur. Sepertimana tersedia maklum juga tuntutan balas defendan-defendan dalam hal ini telah pun dibatalkan oleh mahkamah ini.

[88] Malahan defendan-defendan juga ada mengemukakan kononnya perjanjian antara plaintif pertama dan peguamcara plaintif-plaintif iaitu Mr Ragumaren Gopal seperti *IDD168*. Mahkamah amati kononnya perjanjian yang dikemukakan oleh defendan-defendan ini adalah satu yang diada-adakan dan palsu, maka ianya mana mungkin terikat kerana PW2 tidak akan dapat mengawal amanah tersebut sungguhpun sekiranya kes ini berpihak kepada plaintif-plaintif. PW2 juga tidak akan dapat menentukan berapa banyak plaintif-plaintif hendak memberi peguamcara plaintif-plaintif selepas perkara ini dapat diselesaikan.

[89] Lagi pun penerima dan pengurus (R&M) ada menyatakan semasa perbicaraan bahawa andaikata mahkamah ini memutuskan kes ini berpihak kepada plaintif-plaintif, maka penerima dan pengurus (R&M) tidak akan meluluskan pembayaran mengikut terma-terma sepertimana disediakan di dalam *IDD168.* Jadi dalam keadaan sedemikian mahkamah merumuskan sebenarnya tiada pun isu konspirasi di sini.

[90] Oleh itu mahkamah ini memutuskan bahawa tidak terdapat pun konspirasi sepertimana didakwa oleh defendan-defendan dikatakan wujud antara peguamcara plaintif-plaintif, penerima dan pengurus (R&M), peguamcara R&M, plaintif pertama dan Colin George Nicholas (PW43).

Isu ketiga: Defendan-defendan dan saksi-saksi mereka bersifat suka mengelak dan mempertahankan diri ketika memberi keterangan dan ini memberi kesan mudarat kepada diri mereka

[91] Saksi-saksi defendan-defendan sentiasa bersifat mengelak (*evasive*), mempertahankan diri (*defensive*) dan juga tidak jujur. Tumpuan terutamanya dirujuk kepada keterangan oleh DW1, DW2, DW3 dan DW12 untuk dianalisa secara ringkasnya:

(a) seluruh keterangan DW1 sepertimana dalam nota prosiding *Vols* 30, 31, 32 dan 33 langsung tidak ada kena mengena dengan isu di dalam tindakan guaman kes ini dan antaranya:

(i) beliau cuba mengenengahkan bahawasanya terdapat konspirasi antara peguamcara plaintif-plaintif iaitu G Ragumaren dan seorang bernama Mr Ram. Namun begitu tiada bukti

dikemukakan di mahkamah ini untuk menunjukkan sedemikian;

(ii) dalam kes *Amat Loyut & Ors v Saling Lau Bee Chiang & Ors (No 3)* [2014] 1 LNS 249 telah diputuskan oleh hakim bahawa DW1 merupakan 'saluran' bagi defendan-defendan mengatur urusan mereka dan semua tindakan DW1 jelas untuk memanfaatkan defendan-defendan;

(iii) keterangan DW1 juga didapati pada keseluruhannya tidak relevan, diselubungi 'mala fide' dan tidak benar; dan

(iv) lagipun DW1 ini telahpun diisytiharkan muflis dan didapati oleh banyak hakim sebagai seorang saksi yang tidak boleh dipercayai kerana mengusik bukti-bukti dan juga kerap menyalahgunakan proses mahkamah;

(b) DW2 pula yang juga merupakan defendan pertama selain daripada memberi keterangan yang bercanggah dan tidak benar sepertimana yang telah dianalisakan di atas juga didapati mempunyai peribadi seorang saksi seperti berikut:

(i) beliau juga telah diisytiharkan muflis dan didapati oleh banyak hakim sebagai seorang 'litigan' yang semberono dan menyusahkan;

(ii) sepanjang keterangannya DW2 merupakan seorang yang mempertahankan dirinya, membuat pengelakan dan tidak jujur. Tingkahlaku DW2 sebegini ada dizahirkan dirujukan berikut:

(1) nota prosiding *Vol* 35 di ms 118;

(2) nota prosiding *Vol* 38 di ms 15–17, 50–52, 56–68, 86–90;

(3) nota prosiding *Vol* 39 di ms 55, 92–94, 97–102, 107–108, 128, 141;

(4) nota prosiding *Vol* 40 di ms 9–10, 37–39, 147–157;

(5) nota prosiding *Vol* 41 di ms 44 dan 98;

(6) nota prosiding *Vol* 42 di ms 13, 33–34;

(7) nota prosiding *Vol* 43 di ms 8, 40–41,70;

(8) nota prosiding *Vol* 44 di ms 18, 31, 36, 40; dan

(9) nota prosiding *Vol* 48 di ms 12;

(iii) pada sesuatu ketika apabila dokumen yang boleh membantu kes plaintif-plaintif dikehendaki, maka tindakbalas DW2 sentiasa memberi alasan dokumen-dokumen tersebut telah musnah dalam kebakaran di premis defendan keempat dalam tahun 2007. Walau bagaimanapun sepanjang perjalanan perbicaraan DW2 melalui

peguamcaranya ada pula mengemukakan dokumen-dokumen yang dikatakan telah musnah dalam kebakaran tersebut.

Jadi pada keseluruhannya mahkamah ini merumuskan keterangan DW2 adalah tidak benar atau jujur, tidak boleh dipercayai, berpihak pada diri sendiri dan dicemari oleh 'mala fide'.

(c) keterangan DW3 pula selain daripada banyak percanggahan dan tidak benar sepertimana dihuraikan di atas sebelum ini, maka terdapat juga ciri-ciri seperti berikut:

(i) DW3 telahpun diisytiharkan muflis;

(ii) DW3 menerima RM2,200,000 daripada *actual compensation* yang dimaksudkan untuk 52 orang asli;

(iii) DW3 dibawa ke mahkamah ini untuk memberi keterangan semata-mata bagi menyokong keterangan tidak benar defendan-defendan. DW3 ketika disoalbalas mengaku tidak membaca kertas kausa berkait kes guaman ini tetapi mengekalkan ianya semberono semata-mata berdasarkan apa yang diberitahu kepadanya oleh defendan-defendan;

(iv) DW3 sentiasa menuduh peguamcara plaintif-plaintif iaitu G Ragumaren ketika memberi keterangan.

Jadi pada keseluruhannya mahkamah ini merumuskan keterangan DW3 adalah tidak benar atau tidak jujur, tidak boleh dipercayai, berpihak pada diri sendiri dan juga dicemari oleh 'mala-fide'.

(d) DW12 pula bertindak atas diri sendiri sebagai defendan keempat memberi keterangan penuh dengan percanggahan dan perkara yang tidak benar, antara ciri-cirinya ialah:

(i) beliau amat mempertahankan dirinya, mengelak dan tidak jujur;

(ii) keterangannya tidak benar, tidak boleh dipercayai, berpihak pada dirinya sendiri dan dicemari oleh 'mala-fide'.

[92] Mahkamah ini berdasarkan kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19 khususnya di ms 116–120 (MLJ); ms 33–37 (CLJ) yang kemudiannya dikekalkan oleh Mahkamah Persekutuan sepertimana dilaporkan dalam rujukan *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309 memutuskan perkara-perkara berikut:

(a) saksi-saksi defedan-defendan adalah tidak jujur dan memberi keterangan tidak benar semasa perbicaraan;

(b) banyak ketika semasa memberi keterangan saksi-saksi defendan-defendan bertindak mempertahankan diri dan bersifat mengelak;

(c) keterangan saksi-saksi defendan-defendan khususnya DW1, DW2, DW3 dan DW12 penuh dengan percanggahan tidak benar dan dicemari oleh 'mala-fide'.

Isu keempat: Banyak cubaan oleh defendan-defendan untuk membatalkan kes ini dan/atau mengenepikan peguamcara plaintif-plaintif

[93] Mahkamah maklum akan berbagai permohonan difailkan oleh defendan-defendan untuk membatalkan kes ini dan/atau mengenepikan peguamcara plaintif-plaintif atas alasan-alasan yang tidak munasabah. Antara permohonan-permohonan tersebut adalah seperti disenaraikan berikut:

(a) melalui permohonan di *Kandungan 150* defendan-defendan menuntut:

(i) beberapa orang plaintif-plaintif di sini bukannya merupakan benefisiari-benefisiari sebenar terhadap amanah;

(ii) guaman ini telah dihalang oleh statut mengikut s 22 Limitation Act 1953; dan

(iii) guaman ini menghadkan defendan-defendan daripada menjalankan tugasan mereka sebagai pemagang amanah.

Namun begitu tindakan di *Kandungan 150* ini telah ditolak oleh mahkamah ini dengan kos. Defendan-defendan merayu terhadap keputusan tersebut tetapi ianya sekali lagi ditolak.

[94] Melalui permohonan di *Kandungan 151* defendan-defendan menuntut:

(a) defendan pertama cuma bertanggungjawab kepada tiga orang Ketua Kampung atau Tok Batin sahaja mengikut syarat bertulis antara defendan pertama dan tiga orang Ketua Kampung;

(b) tiga orang Ketua Kampung atau Tok Batin tersebut mencalonkan 49 orang asli yang lain untuk dinamakan sebagai plaintif-plaintif di dalam Guaman Sivil 828; dan

(c) 48 orang asli yang lain tersebut yang dinamakan sebagai plaintif-plaintif di dalam Guaman Sivil 828 itu bukanlah pihak-pihak di dalam syarat bertulis antara defendan pertama dan tiga orang Ketua Kampung atau Tok Batin tersebut dan dengan itu mereka bukanlah merupakan *privy* mengenainya. Oleh yang demikian guaman ini sepatutnya dibatalkan.

Namun begitu tindakan di *Kandungan 151* telah ditolak oleh mahkamah ini dengan kos. Defendan-defendan merayu terhadap keputusan tersebut tetapi ianya sekali lagi ditolak.

[95] Melalui permohonan di *Kandungan 152* defendan-defendan menuntut:

(a) tindakan guaman ini tidak dimulakan mengikut lunas undang-undang daripada mulanya lagi kerana 56 daripada plaintif-plaintif di sini menuntut bahawa mereka adalah keturunan dari sepuluh orang si mati asalnya benefisiari-benefisiari bagi amanah tersebut yang tidak memperolehi gran surat probate/gran surat mentadbir dan oleh itu mereka tidak ada kausa tindakan dalam kes guaman ini.

Namun begitu permohonan di *Kandungan 152* ini telah ditolak oleh mahkamah ini dengan kos. Defendan-defendan merayu terhadap keputusan tersebut tetapi ianya sekali lagi ditolak.

[96] Melalui permohonan di *Kandungan 463* defendan-defendan menuntut:

(a) peguamcara plaintif-plaintif iaitu Ragumaren Gopal adalah bercanggah dan tidak seharusnya bertindak bagi pihak plaintif-plaintif dalam guaman ini.

Namun begitu tindakan di *Kandungan 463* ini juga ditolak oleh mahkamah ini dengan kos.

Isu kelima: Banyak cubaan defendan-defendan untuk mengenepikan penerima dan pengurus (R&M)

[97] Mahkamah maklum akan berbagai-bagai permohonan difailkan oleh defendan-defendan untuk mengenepikan penerima dan pengurus (R&M) atas alasan-alasan yang langsung tidak munasabah dan antaranya seperti disenaraikan berikut:

(a) defendan-defendan mempertikaikan perlantikan penerima dan pengurus (R&M) diperingkat pendengaran *inter partes* permohonan oleh plaintif-plaintif di *Kandungan 6 dan 7*. Defendan-defendan membangkitkan isu-isu *locus-standi,* percanggahan kepentingan dan konspirasi. Namun begitu mahkamah ini telah menolak perdebatan defendan-defendan tersebut;

(b) defendan-defendan memfailkan empat rayuan kepada mahkamah rayuan terhadap perintah-perintah injunksi di atas dan rayuan mereka mengenainya juga telah ditolak;

(c) defendan-defendan merayu agar kebenaran diberi terhadap perintah-perintah injunksi di atas tetapi mereka menarik balik permohonan tersebut pada hari pendengarannya. Defendan-defendan diperintahkan membayar kos kepada plaintif-plaintif di sini dan juga dalam Guaman Sivil 106 sebanyak RM10,000 setiap satunya;

(d) defendan-defendan sekali lagi memohon untuk mengenepikan penerima dan pengurus (R&M) dalam *Kandungan 402.* Namun begitu permohonan ini ditolak oleh mahkamah ini;

(e) defendan-defendan merayu terhadap penolakan Kandungan 402 dan malangnya rayuan mereka ditolak. Mereka diperintah membayar kos kepada plaintif-plaintif di sini dan juga bagi tindakan Guaman Sivil 106 sebanyak RM5,000 setiap satunya;

(f) defendan-defendan masih lagi memfailkan satu lagi permohonan di *Kandungan 466* untuk mengenepikan penerima dan pengurus (R&M) dengan membangkitkan isu-isu yang sama tetapi ianya ditolak mahkamah ini;

(g) defendan-defendan di dalam Guaman Sivil 106 membantah injunksi diperolehi oleh penerima dan pengurus (R&M) dan mendakwa ianya satu konspirasi tetapi mahkamah ini juga menolaknya; dan

(h) defendan-defendan di dalam Guaman Sivil 106 merayu ke Mahkamah Rayuan tetapi rayuannya ditolak.

Isu keenam: Perihal Guaman Sivil 143 berkait kes No 23NCVC-143–10 Tahun 2012

[98] Guaman Sivil 143 ini difailkan oleh beberapa plaintif-plaintif terhadap, antara lainnya, plaintif pertama, peguamcara plaintif-plaintif, penerima dan pengurus (R&M), peguamcara R&M, Mr Christopher Leong, yang meminta agar menamatkan secara terus apa-apa perintah akan dibuat oleh mahkamah ini dalam tindakan guaman kes ini dan juga Guaman Sivil 106.

[99] Guaman Sivil 143 tersebut telah dibatalkan oleh mahkamah ini selepas beberapa permohonan pembatalan difailkan dan diputuskan kerana Guaman Sivil 143 ini adalah dikatakan merupakan satu penyalahgunaan proses dan mengganggu dalam pentadbiran keadilan. Kos diawardkan agar dibayar oleh peguamcara-peguamcara secara sendirinya.

[100] Dalam kes *Amat Loyut & Ors v Saling Lau Bee Chiang & Ors (No 3)* [2014] 1 LNS 249 hakim telah memutuskan DW1, DW2 dam DW12 adalah pesalah utama yang telah memutarbelitkan plaintif-plaintif dalam Guaman Sivil 143 untuk memfaatkan defendan pertama dan Dinesh Kanavaji.

[101] Kes Guaman Sivil 143 ini plaintif-plaintif merayu ke Mahkamah Rayuan dan sekali lagi rayuan mereka ditolak dengan kos ditanggung sendiri oleh peguamcara-peguamcara yang mengendalikan tindakan ini.

Isu ketujuh: Penghakiman oleh YA Vernon Ong Lam Kiat berkait Kandungan 6, 7, 15 dan 16

[102] Mahkamah maklum di sini akan penghakiman dibuat oleh YA Vernon Ong Lam Kiat pada 29 Oktober 2009 ketika Kandungan 6, 7, 15 dan 16 didengar di hadapannya. Keputusannya telah dilaporkan dipetik sebagai*Saling Lau Bee Chiang & Ors v Kanawagi Seperumaniam & Ors* [2010] 8 CLJ 347. Bahagian di perenggan 11, 15, 16, 20, 27, 28, 29, 30, 31 dan 32 dalam penghakimannya adalah amat relevan.

[103] Berdasarkan penghakiman diperenggan-perenggan yang relevan dalam kes itu, maka amat jelas sekali menunjukkan bahawa tindakan-tindakan defendan-defendan itu memang tidak mewajarkan mereka menjadi pemegang-pemegang amanah tersebut kerana mereka tidak bertindak demi kepentingan terbaik bagi benefisiari-benefisiari amanah tersebut. Defendan-defendan juga didapati terlibat mengurus berpihak bagi diri sendiri dan menyifatkan wang-wang amanah tersebut seperti kepunyaan dirinya sendiri.

[104] Oleh itu mahkamah memutuskan amanah tersebut akan musnah sekiranya tuntutan plaintif-plaintif di sini dinafikan.

Isu kelapan: Nilai masa hadapan amanah tersebut tetapi digagalkan oleh perlakuan defendan-defendan

[105] Katakanlah RM22 juta yang diletakkan di dalam tabung amanah tersebut ditinggalkan untuk tujuan menggandakan interest terkumpul pada tahap 5% setahun dengan dibuat potongan-potongan berikut:

(a) RM46,800 dikeluarkan setiap bulan semenjak bermulanya amanah tersebut bagi setiap 52 orang asli yang menerima RM900 sehinggalah kepada bulan Julai 2010;

(b) RM52,000 dikeluarkan daripada bulan Julai 2010 dan berikutnya sebagai pembayaran bulanan kepada 52 orang asli yang telah dinaikkan kepada RM1,000 oleh mahkamah ini; dan

(c) RM1,800 dikeluarkan setiap tahun sebagai habuan kepada pemegang-pemegang amanah sepertimana diperuntukkan di dalam surat ikatan amanah.

[106] Maka mahkamah merumuskan wang amanah tersebut sehinggalah pada bulan Jun 2016 akan pasti berjaya mengumpul sejumlah wang sebanyak RM34,871,736.39.

[107] Sekiranya berdasarkan pengiraan di atas tersebut maka plaintif-plaintif telah dinafikan sekurang-kurang sejumlah wang sebanyak RM14 juta disebabkan oleh perlakuan tindakan defendan-defendan.

[108] Namun begitu tanpa bukti-bukti yang nyata boleh menyokong pernyataan penerima dan pengurus (R&M) itu maka mahkamah rumuskan ianya terlalu spekulatif untuk membenarkan ganti rugi (*damages*) dinilaikan.

PENGISYTIHARAN, GANTI RUGI DAN KOS DITUNTUT OLEH PLAINTIF-PLAINTIF

[109] Berpaksikan kepada rumusan yang diperincikan sebelum ini, maka mahkamah memutuskan untuk membenarkan permohonan plaintif-plaintif mendapatkan remedy dan relif daripada defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji bersama-sama atau bersekali seperti berikut:

(a) pengisytiharan:

(i) diisytiharkan bahawa defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal memberi akaun sempurna mengenai pengurusan Amanah (Jakuns) Lembah Linggiu Orang Asli ('amanah tersebut') kepada plaintif-plaintif;

(ii) diisytiharkan bahawa defendan ketiga tidak pernah merupakan seorang pemegang amanah;

(iii) defendan pertama, kedua dan keempat termasuklah Dinesh Kanavaji telah gagal menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pemegang-pemegang amanah tersebut/pemegang-pemegang amanah tersebut secara konstruktif dengan sempurna;

(iv) diisytiharkan bahawa defendan-defendan termasuklah Dinesh kanavaji telah menyalahguna, menyalahurusan dan menyalahambil dana amanah tersebut untuk keuntungan diri mereka sendiri;

(v) diisytiharkan bahawa defendan pertama dan kedua adalah bertanggungan kepada plaintif-plaintif kerana mengingkari amanah tersebut;

(vi) diisytiharkan bahawa defendan keempat termasuk dinesh kanavaji telah mengingkari tanggungjawab mereka sebagai pemegang amanah konstruktif kepada plaintif-plaintif;

(vii) defendan pertama dan kedua disingkirkan sebagai pemegang amanah kepada amanah tersebut;

(viii) diisytiharkan bahawa defendan-defendan termasuklah Dinesh Kanavaji telah mengingkari tanggungjawab sebagai pemegang-pemegang amanah tersebut/pemegang amanah tersebut secara konstruktif apabila mengeluarkan RM7 juta daripada dana amanah tersebut;

(ix) penerima dan pengurus (R&M) meneruskan menjalankan kewajipan mengikut apa-apa perintah yang telah dibuat di dalam tindakan ini dan/atau dalam tindakan Guaman No 23NcVC-106–07 Tahun 2012 oleh mahkamah ini sehinggalah permohonan oleh penerima dan pengurus dan/atau permohonan plaintif-plaintif agar penerima dan pengurus dilepas dan dibebaskan;

(x) klausa 3 surat ikatan amanah diubah dengan menyatakan satu-satunya pemegang amanah kepada amanah tersebut hendaklah HSBC (M) Trustee Bhd tetapi cuma berkuatkuasa daripada tarikh diarahkan oleh Mahkamah ini atas permintaan atau permohonan oleh penerima dan pengurus dan/atau plaintif-plaintif; dan

(xi) klausa 9 surat ikatan amanah diubah dengan menyatakan habuan kepada pemegang-pemegang amanah tersebut hendaklah mengikut kadar sejajar dengan kadar standard dinyatakan di dalam terma perlantikan HSBC (M) Trustee Bhd;

(b) ganti rugi:

(a) defendan-defendan termasuk Dinesh Kanavaji membayar RM16,054,111.92 kepada benefisiari-benefisiari amanah tersebut;

(b) defendan-defendan termasuk Dinesh Kanavaji membayar sejumlah RM2,716,920 kepada amanah tersebut;

(c) defendan-defendan termasuk Dinesh Kanavaji membayar sejumlah RM1,057,340.33 kepada amanah tersebut;

(d) defendan-defendan termasuk Dinesh Kanavaji membayar sejumlah RM865,072.04 kepada amanah tersebut;

(e) defendan pertama membayar sejumlah RM27,863.31 kepada amanah tersebut;

(f) defendan pertama dan defendan keempat membayar sejumlah RM40,000 kepada benefisiari-benefisiari amanah tersebut; dan

(g) defendan-defendan termasuk Dinesh Kanavaji membayar sejumlah RM5 juta kepada plaintif-plaintif berasaskan perlakuan

A mereka menyalahguna dan menyalahurus dana amanah tersebut melibatkan berjuta-juta ringgit;

(c) kos:

kos sebanyak RM500,000 dibayar oleh defendan-defendan termasuklah B Dinesh Kanavaji kepada plaintif-plaintif.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

C

D

E

F

G

H

I